

# Wilayah KU

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 133 ● 17 - 23 SEPTEMBER 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my/)

 [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku)

 [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/@akhbarwilayahku)

 [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku)

 [WK TV](https://www.youtube.com/WKTV)

## KWP komited bantu gelandangan atasi masalah mental

PERUBAHAN positif yang berlaku pada kelompok gelandangan atau Hijrah Warrior di ibu negara sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendorong Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memberi perhatian lebih khusus.

Ini kerana, mereka bukan hanya berjaya membina jati diri untuk keluar daripada kepompong hidup malah sebahagianya sudah berjaya menjana pendapatan.

Namun, tidak kurang juga yang masih dibelenggu sejarah silam dan mengalami masalah kesihatan

mental sehingga menyukarkan mereka bersama masyarakat.

Ekoran itu, KWP akan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan kelompok berkenaan.

Jawatankuasa tersebut akan

membincangkan cara untuk mengatasi masalah tersebut di samping mewujudkan garis panduan serta prosedur operasi standard (SOP) yang sesuai bagi membantu gelandangan terlibat.

[LAGI BERITA DI MUKA 3](#)

## Pembangunan semula Kampung Baru diteruskan

## Lebih Sistematik

PEMBANGUNAN semula Kampung Baru, Kuala Lumpur bukanlah perkara asing di Wilayah Persekutuan mahupun Malaysia kerana ramai yang ternantikan lokaliti berusia lebih 120 tahun itu dibangunkan seiring perkembangan dan kemajuan kawasan sekitarnya.

Meskipun terdapat suara-suara halus yang mahukan kawasan tua itu dipelihara sebagai tapak warisan nasional, namun pembangunan perlu dilakukan supaya ia tidak dilihat jelik berikutnya terletak di tengah-tengah kota yang juga ibu negara.

Justeru, setiap kali perubahan tampak pimpinan Wilayah

Persekutuan, isu pembangunan semula Kampung Baru akan dibahaskan.

Menerusi sesi Pertanyaan Lisan Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas pada Selasa, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim memberi penjelasan berhubung pembangunan berkenaan yang dilihat lebih sistematis dan efisien.

Malah, jangka masa yang ditetapkan juga selari dengan pendekatan organik dan berfasa mengikut blok seperti direncanakan sebelumnya.

[LAGI BERITA DI MUKA 2](#)



SHAHIDAN ketika menjawab persoalan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad semasa sesi Pertanyaan Lisan Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas pada Selasa.



Kebun Bandar ditambah baik - Shahidan >> 3



Menyelami denyut nadi rakyat >> 12 & 13



The Garden Shop semarak industri landskap Putrajaya  
>> 22

Pembangunan Kampung Baru melalui pendekatan organik

# Kerajaan tidak terabit pembelian tanah

AZLAN ZAMBRY

**K**ERAJAAN akan meneruskan perancangan pembangunan Kampung Baru, Kuala Lumpur melalui pendekatan organik dan berfasa mengikut blok.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, pendekatan berkenaan berkeupayaan untuk meneruskan program pembangunan semula dan kini 44 blok sudah dikenalpasti.

"Kerajaan tidak akan terlibat dalam pembelian tanah secara keseluruhan. Sebaliknya, pembangunan Kampung Baru adalah secara usaha sama antara pemaju dan pemilik tanah atau petak, mengikut blok-blok pembangunan tersebut."

"Selaras dengan pendekatan baru ini juga, peruntukan kerajaan hanya akan digunakan bagi pembangunan infrastruktur melalui penaiktarafan jalan-jalan utama dan akses keluar masuk Kampung Baru yang menjadi pemangkin kepada pembangunan semulanya."

"Nilai harta tanah yang

ditawarkan kepada pemilik tanah bergantung kepada mekanisme pembangunan yang akan dilaksanakan mengikut kesesuaian pembangunan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Abdul Samad semasa sesi Pertanyaan Lisan Dewan Rakyat Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas pada Selasa.

Menurut Shahidan, melalui pendekatan baharu tersebut, pihaknya akan membangunkan Kampung Baru mengikut tiga fasa pembangunan.

Jelannya, pembangunan jangka pendek adalah dalam tempoh lima tahun iaitu dari 2021 hingga 2025 yang mana ia melibatkan cadangan pembangunan semula kawasan Sungai Baru, Flat PKNS Jalan Tun Razak dan pembangunan tapak klinik kesihatan dengan pembangunan yang lebih ekonomik.

Dalam tempoh sama ujarnya, pembangunan infrastruktur yang melibatkan cadangan pelebaran dan menaiktaraf Jalan Raja



PEMBANGUNAN Kampung Baru adalah secara usaha sama antara pemaju dan pemilik tanah atau petak.

Uda Kampung Baru, cadangan sambungan DUKE 2A dari Jalan Kuching ke Kampung Baru di Jalan Raja Muda Abdul Aziz dan pembinaan akses keluar masuk lebuhraya AKLEH di Sungai Baru.

dan pembangunan blok yang berpotensi di Kampung Pindah.

"Bagi pembangunan jangka panjang, ia melibatkan tempoh masa 20 tahun iaitu dari 2021 hingga 2040 dan fokus kepada mempromosikan serta membangunkan blok-blok pembangunan yang berpotensi dari semasa ke semasa bergantung kepada kesediaan pemaju," katanya.

Shahidan berkata, mengenai peruntukan pembangunan, Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu (PKB) melalui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah membuat permohonan peruntukan di bawah Rolling Plan Kedua (RP2) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK 12) sebanyak RM148 juta iaitu untuk perolehan tanah Kampung Pindah sebanyak RM100 juta (premium tanah).

Selain itu, katanya, peruntukan RM48 juta untuk pengambilan tanah bagi pelebaran dan menaiktaraf Jalan Raja Uda dan masih menunggu kelulusan pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU). **WK**

## Tidak kompromi peniaga warga asing, premis langgar undang-undang

**KEMENTERIAN** Wilayah Persekutuan (KWP) tidak akan berkompromi dengan peniaga warga asing yang menjalankan perniagaan sehingga menutup peluang kepada rakyat tempatan.

Timbalan Menterinya, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, beliau mendapat banyak laporan dari warga kota termasuk peniaga yang menjalankan perniagaan di beberapa lokaliti ibu negara mengenai masalah tersebut dan menjalankan tinjauan di beberapa kawasan termasuklah mengunjungi Pasar Borong Kuala Lumpur.

"Saya sudah meminta ketua-ketua jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengemukakan maklumat sebenar mengenai berapakah jumlah peniaga warga asing yang menjalankan aktiviti tersebut secara haram termasuk berniaga tanpa lesen serta menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan yang tidak dibenarkan," katanya kepada *Wilayahku* selepas menyampaikan sumbangan anjuran pertubuhan Malaysia Thamizhar Sangam di Sentul baru-baru ini.

Menurut Jalaluddin, apabila maklumat dan data ini diperoleh, pihaknya akan menyusun tindakan susulan termasuk melipat gandakan tindakan penguatan kuasaan terhadap peniaga



DBKL sita barang perniagaan yang dikendalikan warga asing.

warga asing bagi memastikan perniagaan yang selama ini didominasi mereka dapat dicegah.

"Kalaupun tidak dapat dihentikan 100 peratus dalam jangka masa terdekat, kita berusaha untuk mengurangkan kerana tindakan mereka selama ini telah menyekat peluang kepada rakyat tempatan."

"Selain daripada itu, mereka turut menjadi penyumbang kepada kesesakan lalu lintas dan ia menjadi faktor yang sangat jelas tindakan segera mesti diambil bagi kesejahteraan dan kemudahan warga kota," katanya.

Beliau turut memberi jami-

nan bahawa tindakan yang akan dilakukan akan turut melibatkan agensi luar seperti pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Imigresen (JIM).

"Ia merupakan satu operasi bersepadan yang melibatkan semua agensi berkaitan dan kita menyasarkan peniaga yang tidak berlesen dan warga asing, termasuklah akan memeriksa premis yang tidak berlesen dan yang tidak dibenarkan beroperasi ketika Fasa 2, Pelan Pemulihan Negara (PPN) atau melanggar peraturan dan undang-undang turut," katanya. **WK**

## Taman Tasik Permaisuri pilihan utama warga kota

**KEUNIKAN** landskap dan kepelbagaiannya fasiliti yang disediakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuatkan taman-taman awam kendaliannya sentiasa menjadi pilihan utama warga kota melepaskan penat bekerja mahupun beriadah bersama keluarga.

Malah, keindahan hiasan bunga warna-warni yang ditanam di kawasan sekitar juga mampu melegakan sedikit tekanan yang dialami.

Berkata mengenai transformasi salah satu tamannya, iaitu Taman Tasik Permaisuri, DBKL memaklumkan, antara keunikan yang diketengahkan sebagai tarikan pengunjung di situ adalah landskapnya yang bercirikan Taman Diraja Melayu tradisi dan Laman Iskandar Puteri.

Selain itu, katanya, kolam sireh junjung dan laman bunga-bunga

awan larat turut menarik perhatian kerana memamerkan ruangan luas serta cantik.

"DBKL telah melaksanakan kerja-kerja naik taraf taman permainan kanak-kanak, danau ekologi, serambi dayang dan halaman kereta.

"Sistem pencahanan dan pemasangan kamera litar tertutup juga ditambah baik bagi tujuan keselamatan dan keselesaan pengunjung," katanya dalam kenyataan.

Tambah DBKL, selain itu, lokasi taman juga strategik kerana terletak berhampiran stadium, hospital, pusat belia, masjid, perumahan awam dan swasta, kompleks agensi kerajaan serta sekolah.

Transformasi tersebut turut mendapat perhatian Timbalan Menteri Luar Negeri merangkap Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Kamarudin Jaffar. **WK**



BINAAN melengkung bagi landskap Laman Iskandar Puteri memperlihatkan kawasan sekitarnya lebih luas dan unik.

Peruntukan disalur bagi meningkatkan hasil tanaman

# Kebun Bandar ditambah baik - Shahidan

AZLAN ZAMBRY

**K**EMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) akan menyalurkan peruntukan bagi menambah baik program kebun bandar di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, peruntukan itu adalah untuk menambah baik infrastruktur

## LAGI BERITA DI MUKA 9, 10 DAN 11

sedia ada supaya dapat meningkatkan lagi hasil kebun tersebut.

"Apa yang telah dibuat cukup baik. Memandangkan kawasan yang ada adalah kecil, saya canggkang supaya ia dibuat secara

bertingkat.

"Mungkin kita akan tambah para tiga tingkat dan saya akan memberikan peruntukan untuk mereka gunakan tanah ini sepenuhnya."

"Contohnya, pokok terung, di kebun ini ada kira-kira 1,200 batang pokok dan jika pakai kaedah bertingkat, kita akan dapat 3,600 pokok," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat tiga kebun bandar di Perumahan Awam Seri Perlis, Kebun Komuniti Sungai Bunus dan Kebun Bandar Projek Perumahan Rakyat (PPR) Intan Baiduri.

Hadir sama, Ahli Parlimen

Batu, P Prabakaran dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mahadi Che Ngah.

Mengenai kawasan-kawasan yang pernah dimajukan sebagai kebun bandar tetapi ia kemudian ditinggalkan, Shahidan berkata, tindakan lanjut akan diambil untuk memperbaiki kawasan berkenaan.

"Saya akan mengadakan lawatan dengan Datuk Bandar, kita akan perbaiki dan memajukan lagi kawasan itu."

"Bagi saya, yang baik itu perlu diteruskan dan mesti ada penambahan baikkan untuk memberi manfaat kepada warga kota," katanya. WK

Imbas kod  
QR untuk  
tonton video  
berita ini.



SHAHIDAN melihat hasil tanaman kebun bandar penduduk PA Seri Perlis baru-baru ini.



JALALUDDIN melawat fasiliti PKRC di Hotel Royale Chulan baru-baru ini.

## KWP tubuh Jawatankuasa khas tangani masalah mental

**JAWATANKUASA** khas akan ditubuhkan bagi menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan gelandangan di ibu kota.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, jawatankuasa khas itu akan meneliti dan mewujudkan garis panduan serta prosedur operasi standard (SOP) pelan berkaitan yang sesuai.

"Saya menerima banyak laporan, selain mereka yang terkesan akibat kehilangan pekerjaan dan isu sosial lain. Ada kalangan gelandangan terancam dengan penyakit mental akibat tekanan disebabkan pandemik COVID-19."

"Saya sudah minta sebuah jawatankuasa khas untuk membincangkan bagaimana mengatasi masalah ini, mewujudkan garis panduan serta SOP bagi membantu golongan terbabit," katanya ketika ditemui selepas melawat Pusat Kuarantin Rawatan Risiko Rendah (PKRCS) Megaklinik Zahran, Hotel Royale Chulan pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Pegawai

Operasi Megaklinik Zahran, Datuk Mohd Nafiz Abdul Razak dan Pengurus Besar Hotel Royale Chulan, Badrul Rezal Baharuddin.

Menurut Jalaluddin, pihaknya sudah menges antara 45 hingga 50 kes membabitkan masalah itu dan turut menjangkakan jumlah akan bertambah jika ia tidak dibendung segera.

"Jawatankuasa khas ini sudah bermesyuarat tadi dan saya meminta supaya satu laporan terperinci dibentangkan."

"Hasil laporan itu kelak diharap dapat memudahkan pelaksanaan kita dalam menangani masalah ini," katanya.

Jalaluddin berkata, KWP akan bekerjasama dengan agensi berkaitan termasuk pakar kesihatan mental agar masalah tersebut dapat ditangani dengan lebih berkesan.

Dalam pada itu, Jalaluddin turut berpuas hati dengan fasiliti yang disediakan di PKRC tersebut dan pihaknya turut menyatakan kesediaan untuk meluluskan permohonan berkaitan bagi memberikan rawatan kepada pesakit COVID-19 yang berada pada tahap 3 dan 4. WK

Imbas kod  
QR untuk  
tonton video  
berita ini.



## Kemasukan pelajar vaksin lengkap ke kampus secara berperingkat

**KEMENTERIAN** Pengajian Tinggi (KPT) mengambil keputusan membuka semula institusi pengajian tinggi (IPT) untuk kemasukan pelajar secara fizikal bagi Sesi Akademik 2021/2022 dalam semua Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula Oktober tahun ini.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Noraini Ahmad** berkata, kemasukan pelajar dilakukan secara berperingkat bermula 15 Oktober ini setelah dipersetuju Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Sepanjang tempoh pandemik, aspek keselamatan dalam pengoperasian IPT amat dititikberatkan, dengan berpaduan nasihat dan arahan MKN, juga Kementerian Kesihatan (KKM)."

"Sebahagian besar daripada keseluruhan 1.2 juta orang pelajar di IPT seluruh negara telah menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian melebihi tiga semester berturut-turut."

"Justeru, dalam usaha untuk memastikan kelestarian kualiti pendidikan tinggi negara di samping meletakkan ke-

selamatan dan kebajikan pelajar sebagai keutamaan juga, sukacita saya mengumumkan bahawa KPT akan melaksanakan kemasukan pelajar secara fizikal ke kampus secara berperingkat sepertimana yang diluluskan MKN," katanya ketika mengumumkan pengoperasian IPT menerusi Facebook live baru-baru ini.

Menurut Noraini, proses tersebut akan dijalankan secara berperingkat bermula 15 Oktober 2021 dan hanya pelajar yang lengkap divaksin dari semua Fasa PPN.

Noraini juga menjelaskan keputusan itu dibuat setelah mengambil kira input sesi libat urus bersama-sama MKN dan KKM; pengurusan IPT yang merangkumi Naib-naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor dan wakil-wakil persatuan IPTS serta Majlis Perwakilan Pelajar dan wakil kesatuan atau persatuan pelajar.

Kemasukan pelajar secara berperingkat ini juga akan menjadikan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat sebagai garis panduan ketika berada di kampus. WK



IPT dibuka semula secara berperingkat dengan memberi keutamaan kepada pelajar yang lengkap vaksin.

Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia

# PPJ rai pemenang tiga pertandingan

DIANA AMIR

**P**ERBADANAN Putrajaya (PPj) meraikan pemenang Pertandingan Mencipta Poster, Pertandingan *Time Attack Plank Challenge* sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM2021) serta Pertandingan Video Kreatif *Stay At Home* Komuniti Putrajaya di Kompleks Perbadanan Putrajaya baru-baru ini.

PPj dalam kenyataannya berkata seramai 31 peserta telah dipilih sebagai pemenang dalam kategori-kategori yang dipertandingkan dan membawa pulang hadiah berbentuk wang ringgit.

Juara Pertandingan Video Kreatif *Stay At Home* Komuniti Putrajaya, **Ahmad Dzulkarnain Mohamad Tarmizi**, 39, akui terkejut apabila diumumkan sebagai pemenang.

"Sebenarnya perasaan saya ke-



DZULKARNAIN

tika ini sangat terkejut kerana penyertaan saya hanya untuk suka-suka tambahan pula saya tidak mempunyai kemahiran dalam menyunting video jadi kemenangan ini sangat tidak disangka," katanya yang turut memenangi wang tunai berjumlah RM500.

Ahmad berkata idea dalam menghasilkan video pendek tersebut adalah dari rutin harian mereka sekeluarga sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sedikit sentuhan ditambah dalam penghasilan video tersebut.

Pertandingan Video Kreatif tersebut telah diadakan pada 8 hingga 23 Julai 2021 bertujuan untuk menggalakkan warga komuniti Putrajaya berkongsi aktiviti berafaedah yang boleh dilakukan ketika tempoh PKP.

Manakala bagi naib juara Pertandingan Mencipta Poster, **Eli Fidelma Lili Murad**, 18, pada mulanya menyertaannya hanyalah



MUHAMMAD Azmi (kanan) menyampaikan hadiah kepada Eli Fidelma, naib juara pertandingan Mencipta Poster anjuran Bahagian Perkhidmatan Komuniti PPj.

sebahagian daripada aktiviti kurikulum di sekolah.

"Pada mulanya, cikgu ada beritahu mengenai pertandingan ini dan saya sertai kerana ia sebahagian daripada aktiviti kurikulum

melukis dari sudut perspektif yang berlainan daripada kebiasaannya dan mengambil masa tiga hari untuk menyiapkannya.

Tambahnya, mengambil aliran seni ketika di tingkatan empat dan lima amat membantu dalam menyiapkan poster tersebut.

Satu lagi acara bersempena sambutan HKHM2021 iaitu PPj *Time Attack Plank Challenge* turut diadakan dalam menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan kakitangan PPj. Pertandingan ini dibahagi kepada empat kategori iaitu terbuka lelaki, lelaki 45 tahun ke atas, terbuka wanita dan wanita 45 tahun ke atas.

Juara pertandingan setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM300, manakala bagi naib juara membawa pulang wang tunai RM200 dan tempat ketiga membawa pulang wang tunai RM150.

Majlis penyampaian hadiah tersebut disempurnakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain. **WK**

## Pusat Ekonomi Digital bakal diwujudkan

HAZIRAH HALIM

RUMAHPRIHATIN@GrandSeasons akan mewujudkan pusat ekonomi digital untuk memberi latihan kepada generasi muda Wilayah Persekutuan bagi menceburi bidang e-commerce (e-dagang), kata Pengasasnya, **Tan Sri TPr Annuar Musa**.

Bercakap mengenainya, Annuar berkata, ia diwujudkan bagi memberi latihan dan peluang kepada anak-anak miskin bandar untuk mengambil bahagian dalam kegiatan e-commerce.

"Kami bercadang untuk mewujudkan satu ruangan khas khidmat digital dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) untuk memberikan latihan kepada golongan ini dan memberikan pendedahan mengenai potensi ekonomi digital di RumahPrihatin," katanya kepada pemberita selepas program penyerahan bantuan makanan kepada golongan memerlukan dan petugas PUSARA di pada Ahad.

Jelas Annuar, pihaknya juga akan berperanan untuk menyediakan khidmat digital ekonomi dan e-commerce kepada peniaga-peniaga kecil, penjaja atau individu berseorangan yang hendak memasarkan produk mereka melalui perniagaan atas talian (*online*) yang sudah berkembang pada masa ini.

Dalam pada itu, Annuar berkata,



PUSAT Ekonomi Digital diwujudkan untuk memberi latihan kepada generasi muda di Wilayah Persekutuan yang ingin menceburi bidang e-commerce.

seramai 3,500 golongan transgender dari RumahPrihatin sudah melengkapkan dua dos vaksin dan mereka turut dikenalpasti sebagai golongan yang memerlukan perhatian dari segi bantuan ekonomi akibat pandemik COVID-19.

"RumahPrihatin turut mengedarkan kupon makanan kepada mereka termasuklah kumpulan peniaga kecil, dan 'homeless' bagi membantu mereka yang turut terkesan dengan pandemik ini," katanya.

Ujarnya, golongan ini perlu diberikan perhatian kerana mereka mengalami masalah termasuklah tidak mampu untuk membayar sewa akibat diberhentikan kerja atau mengalami kerugian besar dalam perniagaan.

"Rata-ratanya meluahkan kesyukuran dan gembira kerana masih

ada pihak yang sudi menghulurkan bantuan kepada mereka di kala menghadapi kekangan hidup dan cabaran sejak pandemik berlaku.

"Mereka menghargai kewujudan kami (RumahPrihatin) yang terus berusaha menyantuni masyarakat dalam pelbagai bentuk bantuan serta peka terhadap kesusahan yang dialami mereka," katanya.

Hadir sama, Pengarah JAWI, Datuk Mohd Ajib Ismail, Pengarah JKM Kuala Lumpur, Che Suzuki Noh, Pengarah Eksekutif RumahPrihatin@GrandSeasons, Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiyah, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan, Datuk Zaizalnizam Zainun dan Pegawai APM Daerah Kuala Lumpur, Kapten (PA) Mazran Mohamed. **WK**

## Akhbar Wilayahku versi digital di Pulse Grande Hotel

SEBAGAI usaha menjadikan Putrajaya sebuah bandar pintar (*smart city*), Pulse Grande Hotel yang menyahut cabaran Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan memperkenalkan perkhidmatan akhbar digital (*e-paper*) untuk pengunjung.

Pengurus Besar Pulse Grande Hotel, **Wan Mohd Azhar Wan Ahmad Shuky** berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan rakan strategik akhbar Wilayahku untuk mendigitalisasikan akhbar tersebut dengan menggunakan kaedah kod QR (*QR Code*).

"Bagi mendigitalisasikan perkhidmatan ini, kami akan menggunakan kaedah Kod QR yang boleh diimbas menggunakan telefon pintar yang akan diletakkan pada setiap bilik dan ruangan di sekitar hotel tersebut."

"Pembaca akan mendapatkan akhbar tersebut dalam bentuk digital secara *flip paper* apabila kod berkenaan diimbas. Mereka juga boleh mendapatkan edisi-edisi lama akhbar Wilayahku di laman web dengan hanya menekan pada link yang disediakan," katanya kepada *Wilayahku*.

Wan Azhar berkata, pada peringkat awal kod QR ini akan diuji

terlebih dahulu di Pulse Grande Hotel dan RumahPrihatin sebelum diperluaskan ke kawasan lain sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Segala pengisian mengenai akhbar di dalam sistem tersebut akan dikawal oleh pihak *Wilayahku* dan mereka akan mengeemas kini kandungan akhbar setiap minggu berikutnya ia diterbitkan pada setiap hari Jumaat."

"Idea ini selari dengan dasar untuk mendigitalisasikan Putrajaya sebagai bandar berinovasi dan berteknologi selaras dengan dunia pemodenan dan digital."

Wan Azhar turut menjelaskan bahawa kerjasama antara dua pihak ini merupakan usahasama strategik untuk memperkenalkan Pulse Grande Hotel di samping memperluaskan rangkaian akhbar Wilayahku kepada masyarakat. Pelancaran perkhidmatan ini masih dalam perbincangan dan akan dilakukan dalam masa terdekat.

Bagi yang ingin mendapatkan *e-paper* *Wilayahku*, mereka boleh mengakses laman web <https://www.wilayahku.com.my/e-wilayahku> atau pautan aplikasi telegram *Wilayahku* <https://t.me/wilayahku>. **WK**



WAN AZHAR

# Butang Panik: Petugas terkejut panggilan daripada menteri

SABRINA SABRE

**S**EORANG petugas Putrajaya Command Centre (PCC) terkejut selepas menjawab panggilan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim yang bertindak menguji sendiri tahap kesiapsiagaan butang panik di Putrajaya.

Shahidan bertindak demikian sewaktu meninjau keadaan di Sisiran Tasik Presint 1 sebelum mencuba butang panik dipasang di kawasan berkenaan.

"Assalamualaikum. Saya ni Shahidan, menteri. Tengah buat percubaan. Okay terima kasih. Ada nampak gambar saya?" katanya dalam nada bersahaja ketika menguji fasiliti itu.

Paparan wajah Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



turut kelihatan dalam video berdurasi 47 saat yang dimuat naik menerusi akaun Facebook Perbadanan Putrajaya (PPj).

Rakaman daripada kamera litar tertutup (CCTV) pada papan pemuka di butang tersebut menunjukkan petugas itu mengambil masa selama lima saat untuk menjawab panggilan sejurus selepas siren berbunyi.

Shahidan tersenyum berpuas hati dengan respons pantas pusat berkenaan kemudian bertindak membuka seketika pelitup muka bagi meyakinkan petugas yang menjawab panggilan tersebut.

"Okay, sudah nampak muka saya, betul kan?" jelasnya semasa meyakinkan staf itu sambil tersenyum ketika meluangkan masa berjalan kaki sekitar pukul 6 petang di laluan tebing tasik tersebut.

Menurut PPj, terdapat sejumlah 89 butang panik dan



TANGKAP layar memaparkan Shahidan Kassim (kanan) menguji butang panik sambil disaksikan Muhammad Azmi Mohd Zain di Putrajaya.

462 unit CCTV dengan tiang butang panik yang dilengkapi lampu siren berwarna merah akan menyala dan berbunyi kuat apabila ditekan di samping kamera tersebut mampu merakam jelas wajah pengadu.

Peranan butang tersebut membolehkan orang awam berhubung terus dengan pusat arahan induk PPj sekiranya berlaku kecemasan khususnya jika telefon bimbit gagal berfungsi

bagi memudahkan bantuan daripada pelbagai agensi sama ada polis, bomba, Angkatan Pertahanan Awam dan Jabatan Kecemasan Hospital Putrajaya.

Kemudahan butang kecemasan itu disediakan di lokasi strategik merupakan antara inisiatif Bandar Pintar dan Bandar Selamat Putrajaya yang sudah wujud lebih dua dekad lepas dan bilangan tersebut sedang ditambah dari masa ke semasa di seluruh Putrajaya. WK

## Putrajaya kembali dikunjungi, jangan lupa patuhi SOP

DIANA AMIR

"MERIAH dan orang ramai mula mengunjungi beberapa tempat menarik sekitar Putrajaya," kata Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias menerusi satu hantaran di Facebooknya pada Ahad lalu.

Jalaluddin berkata setelah menyelesaikan tugas di pejabatnya, beliau meninjau keadaan di sekitar Putrajaya yang sudah berada di Fasa 2 dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

"Petang tadi selepas saya menyelesaikan tugas di pejabat saya di Putrajaya, saya sempat meronda sekitar Presint 5, Presint 4 dan Presint 3.

"Saya mula di Empangan Udang Galah, seterusnya ke Perbadanan Putrajaya dan akhir sekali ke Dataran Putrajaya," katanya yang turun padang apabila mendapat pesanan dari salah seorang penduduk Putrajaya untuk meninjau sendiri keadaan di sana.

Tambahnya pengunjung

yang datang bukan sahaja dari kalangan warga Wilayah Persekutuan malah terdapat pengunjung dari Kepong, Shah Alam, Bangsar dan juga beberapa tempat lain.

Jelasnya lagi, beliau melihat sendiri bagaimana peralihan fasa ini mampu membantu ekonomi dan juga menguatkan lagi ikatan kekeluargaan.

"Dengan mata saya sendiri melihat bagaimana Fasa 2 PPN mampu membuatkan banyak sektor ekonomi mula berkembang pesat.

"Ikatan hubungan kekeluargaan juga kian bertambah erat dengan adanya aktiviti bersantai, berkelaah dan makan-makan bersama sanak saudara," tulisnya di Facebook.

Jalaluddin berkata ia jelas menunjukkan bahawa rakyat begitu terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama ini yang membataskan pergerakan dan apabila sedikit kelonggaran diberi, orang ramai mula mengunjungi tempat peranginan bagi melepaskan kerinduan.



JALALUDDIN beramah mesra bersama pengunjung di sekitar Putrajaya ketika melakukan tinjauan Ahad lalu.

Dalam pada itu, Jalaluddin turut menasihatkan orang ramai untuk terus kekal patuhi prosedur operasi standard (SOP) dan secara keseluruhan beliau berpuas hati dengan amalan SOP yang diamalkan para pengunjung.

"Saya nasihatkan mereka tadi supaya amalkan SOP sehabis baik. Kita sudah diberi sedikit kelonggaran, jadi man-

faatkanlah dengan baik dan berdisiplin.

"Secara keseluruhan saya berpuas hati dengan amalan SOP yang diamalkan oleh para pengunjung di Putrajaya," tambahnya.

Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya beralih kepada Fasa 2 PPN berkuat kuasa 10 September lalu. WK

### SIDANG REDAKSI

#### PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz  
[azlanaziz@yayasanwp.org.my](mailto:azlanaziz@yayasanwp.org.my)

#### PENGARANG KANAN

Helme Hanafi  
[helme.hanafi@gmail.com](mailto:helme.hanafi@gmail.com)

#### PENOLONG PENGARANG

Nazwin Izan Ahmad Nazri  
[winwilayahku@gmail.com](mailto:winwilayahku@gmail.com)

#### WARTAWAN KANAN

Azlan Zamby  
[azlanwilayahku@gmail.com](mailto:azlanwilayahku@gmail.com)  
Aini Roshidah Ahmad Mawawi  
[ainiwilayahku@gmail.com](mailto:ainiwilayahku@gmail.com)

#### WARTAWAN

Khairul Idin  
[khairulwilayahku@gmail.com](mailto:khairulwilayahku@gmail.com)  
Wong Siew Mun  
[wongsiew.mun@gmail.com](mailto:wongsiew.mun@gmail.com)  
Deel Anjer  
[deelanjer6@gmail.com](mailto:deelanjer6@gmail.com)  
Syahidi Bakar  
[diwilayahku@gmail.com](mailto:diwilayahku@gmail.com)

#### Sabrina Sabre

[nsabrinak@gmail.com](mailto:nsabrinak@gmail.com)  
Hazirah Halim  
[hazirah52@gmail.com](mailto:hazirah52@gmail.com)

#### Diana Amir

[dianasyuhada@gmail.com](mailto:dianasyuhada@gmail.com)  
Rostam Afdendi Ab Rashid  
[lemandecaprio@gmail.com](mailto:lemandecaprio@gmail.com)  
Mohd Affandy Annuar  
[affandywilayahku@gmail.com](mailto:affandywilayahku@gmail.com)  
Fauzi Taib  
[adhamfaizi05@gmail.com](mailto:adhamfaizi05@gmail.com)

#### Taufik Mohd Pauze

[kikkywilayahku7@gmail.com](mailto:kikkywilayahku7@gmail.com)

#### JURUFOTO & VIDEO

Mohd Nazirul Mohd Roselan  
[nazirulwilayahku@gmail.com](mailto:nazirulwilayahku@gmail.com)  
Mohd Aminullah Farij Hasan  
[aminwktv@gmail.com](mailto:aminwktv@gmail.com)  
Azly Fariq Ramly  
[azlyfariq@yayasanwp.org.my](mailto:azlyfariq@yayasanwp.org.my)

#### PEMASARAN

Mohd Zuhairi Mazlan  
[zuhairi@yayasanwp.org.my](mailto:zuhairi@yayasanwp.org.my)

#### V Kumar Veeran

[veeran1010@gmail.com](mailto:veeran1010@gmail.com)

#### KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir  
[fatiyah@yayasanwp.org.my](mailto:fatiyah@yayasanwp.org.my)  
Jumaitul Laily Zakiah Ismail  
[jumaitul@yayasanwp.org.my](mailto:jumaitul@yayasanwp.org.my)  
Nurul Hazwani Haslan  
[nhmm866@gmail.com](mailto:nhmm866@gmail.com)

#### PELATIH INDUSTRI

Muhammad Adib Zailani

## CERITA KEDAI KOPI

### Program IWBB disambung

BERITA gembira untuk peniaga dan penjaja yang menyertai program Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB). Menteri Wilayah Persekutuan (WP), Datuk Seri Shahidan Kassim mengumumkan program tersebut yang diangka berakhir pada Disember akan disambung.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, memang wajar program tersebut diteruskan memandangkan program ini masih perlu untuk membantu golongan yang terjejas akibat tempias pandemik COVID-19.

Shahidan sebelum ini sudah menegaskan, pelbagai program yang baik dan memberi manfaat kepada rakyat. Baginya, kesenangan dan keselesaan rakyat tidak harus diganggu. Apa juga perubahan yang perlu dilakukan hendaklah secara berfasa.

Program IWBB diperkenalkan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pertama (PKP) pada April 2020, bertujuan membantu golongan yang kehilangan kerja dan sumber pendapatan akibat COVID-19 untuk menceburi bidang perniagaan.

Program ini sudah beberapa kali disambung selepas tarikh dijadual berakhir, menandakan sambutan hangat untuk inisiatif ini. Dengan pengumuman Shahidan bermakna program ini akan terus disambung melewati Disember 2021. Untuk berapa lama mungkin Shahidan akan mengumumkan kemudian.

Selain memberi manfaat kepada para peniaga dan penjaja sedia ada, penyambungan ini juga membuka peluang kepada mereka yang berhasrat berjinak dalam bidang perniagaan untuk sama-sama mengambil bahagian.

Sehingga kini ribuan sudah merasai nikmat IWBB. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula mempermudah urusan memberi lesen. Kesemua ini menjadi pendorong kepada yang ingin berniaga demi kesinambungan hidup dalam suasana ekonomi yang mencabar sekarang.

Kepada mereka yang berhasrat menyertai IWBB, patuhilah syarat yang ditetapkan. Selain perlu mendapat lesen, pastikan kawasan pilihan berniaga tidak menganggu pergerakan orang ramai dan lalu lintas, serta tidak mengganggu kawasan parkir. Juga utamakan kebersihan sepanjang masa. Selamat berniaga!

### Potong barisan di Masjid Putra

MACAM-macam hal 'potong' berlaku dalam kehidupan sehari-hari. Ada potong barisan ketika berurusan di pejabat, ada potong barisan untuk dapat bantuan. Namun itu video tular mengenai seorang VIP dibenarkan masuk ke dalam Masjid Putra, Putrajaya untuk solat Jumaat 10 September lalu menarik perhatian ramai kerana ia seolah-olah menggambarkan wujud pilih kasih sehingga dalam itu menunaikan solat Jumaat. Ia berlaku di masjid hebat di pusat pentadbiran negara pula.

Kawan-kawan Kedai Kopi kecewa apabila VIP yang datang menaiki kereta besar dibenarkan masuk ke dalam masjid sedangkan jemaah yang sudah lama menunggu terus menunggu. Mereka hanya memerhatikan dengan mata terkebil-kebil pintu masjid dibuka apabila VIP tiba dan ditutup setelah dia masuk.

Perbuatan ini hanya memberi isyarat salah seolah-olah VIP datang lambat pun tidak mengapa kerana tempat sudah tersedia. Boleh potong barisan yang sudah lama berdiri menunggu seolah-olah mereka hanya patung.

Pihak Masjid Putra khabarnya sudah memohon maaf atas insiden yang berlaku. Namun maaf sahaja tidak mencukupi. Mesti dipastikan kejadian seperti ini tidak berulang. Malah ia tidak harus berlaku di mana-mana masjid pun.

Para VIP ubahlah sikap. Jangan berasa terlalu hebat untuk diberi layanan istimewa dan dibenarkan menunaikan solat walau datang lewat. Masjid pula jangan tertekan lantas membenarkan VIP seperti ini masuk. Utamakan yang sudah lama menunggu.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap pihak berkuasa, khususnya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) memberi perhatian serius terhadap insiden ini dan bertindak sewajarnya. Jangan hanya meluahkan rasa kesal atau akan menyiasat tetapi akhirnya tiada sebarang tindakan tegas diambil.

DATUK DR BUDIMAN  
MOHD ZOHDİ

**S**ELF marketing atau pemasaran diri barangkali merupakan terma yang agak asing bagi kebanyakan orang kita.

Mungkin ada yang menyangka ia sama seperti menjual diri sedangkan perbezaan antara kedua-duanya ibarat langit dengan bumi.

Menjual diri, dalam apa juga bentuk dan cara, adalah perbuatan yang bercanggah dengan nilai moral sejagat. Ia tidak semestinya tentang pelacuran, tetapi juga tentang terhegeh-hegeh mencari publisiti dan menaiki perhatian.

Sebaliknya memasarkan diri adalah satu bentuk gerak kerja profesional, yang tidak boleh dilakukan secara sembrono.

Ada rukun yang perlu dipatuhi, ada kaedah yang perlu diikut. Kita tidak boleh 'main redah' membentuli kerana tersilap langkah ia akan menyebabkan kita berada dalam kelompok yang menjual diri

Banyak orang faham tentang pemasaran barang. Ia pembuka jalan kepada pengedaran dan penjualan. Dalam apa-apa juga perniagaan, ketiga-tiganya sama-sama mustahak. Tetapi soalan yang mungkin timbul ialah, apa perlunya pemasaran diri?

Kepada yang bertanya, jawapannya ialah, pemasaran diri itu lebih penting daripada semua elemen yang disebut di atas. Untuk memasarkan barang, anda perlu menjadi eksekutif atau mungkin juga pengurus pemasaran.

Untuk mendapatkan jawatan itu pula, perkara pertama yang perlu anda lakukan adalah memasarkan diri anda. Jika anda gagal menarik minat pengeluar barang, mereka tidak akan menugaskan anda memasarkan barang mereka.

Setelah diberi tugas itu, anda masih perlu memasarkan diri. Agen atau peruncit tidak akan berminat dengan barang yang anda edarkan jika mereka tidak berminat dengan anda.

Jadi untuk menarik minat mereka, wujud keperluan untuk anda memasarkan diri, sama ada daripada segi keterampilan, pendekatan, komunikasi, pengetahuan tentang produk dan sebagainya.

Pemasaran diri tidak terhad pada soal mencari kerja atau mengedar dan menjual barang sahaja. Ia penting dalam semua cabang kehidupan.

Ia menentukan duduk letaknya anda dalam sesuatu situasi; kerjaya, perhubungan, kemasyarakatan dan sebagainya.

# Memasarkan diri



*Pemasaran diri tidak terhad pada soal mencari kerja atau mengedar dan menjual barang sahaja. Ia penting dalam semua cabang kehidupan.*

Contoh, dalam membina kehidupan berumah tangga. Jika tidak pandai memasarkan diri, tiada siapa berminat menjadikan anda pasangan hidup.

Tiada emak bapa yang sanggup bermenantukan seorang yang cara bercakapnya kasar dan bahasa yang digunakanya kesat, tidak kiralah berapa besar pun kereta yang digunakan olehnya. Jadi pemasaran diri adalah segala-galanya.

Tetapi kaedah pemasaran berbeza mengikut keperluan. Seperti juga bermiaga. Kita tidak boleh menjual intan berlian di kaki lima atau menjual ikan di lobi hotel. Kaedah yang salah akan menghasilkan sampah.

Banyak kegagalan sebenarnya berpunca daripada keadaan di atas. Salah cara memasarkan diri. Yang lebih buruk lagi, tidak melakukan apa-apa untuk memasarkan dirinya.

Mereka ini ibarat pekebun yang menanti orang datang membeli hasil tanamannya di kebun. Bernasib baiklah jika kebunnya terletak di tepi jalan, tetapi bagaimana jika ia terletak jauh di tengah hutan?

Untuk mula memasarkan diri, perkara pertama yang perlu anda buat ialah mengenal diri anda sendiri. Apa 'unique selling point' (USP) anda? Maksudnya apa kelebihan anda dan apa yang boleh anda tawarkan?

Kenapa anda yakin yang diri anda mempunyai kelebihan itu dan apa pula yang menyebabkan anda terfikir orang lain memerlukan perkhidmatan yang terhasil daripada kelebihan anda itu? Lihat betul-betul, kemudian nilailah dengan jujur pada tahap manakah kelebihan anda.

Selepas membuat penilaian itu, kenal pasti pula bidang yang perlu anda langkah masuk. Cari platform

keupayaan anda.

Tetapi seperti yang dikatakan di atas, pemasaran diri tidak terbatas pada pencari kerja sahaja. Ia perlu dilakukan oleh semua orang yang mahu meningkatkan pencapaiannya sama ada sebagai peniaga, pengusaha, pekerja, karyawan, ahli politik, selebriti dan apa sahaja, termasuk orang biasa.

Kita berasal baik kerana teknologi menyediakan pelbagai medium yang boleh digunakan untuk memasarkan diri.

Terpulang pada bagaimana kita memanfaatkannya. Emel sebagai contoh, boleh dijadikan alat yang baik jika bijak menggunakan.

Gunakan kepala surat atau sebarang imej yang bersesuaian, dengan bahasa yang betul dan susun letak yang menarik, ia akan menyebabkan emel anda kelihatan berbeza daripada orang lain. Itu juga salah satu 'point' pemasaran.

Medsos, sama ada Facebook, Twitter, Instagram, malah WhatsApp dan Telegram juga harus dimanfaatkan. Tetapi lagi sekali, jangan terjah membabit-buta. Rancang kandungannya dengan betul.

Jadualkan waktu dan kekerapan, perhalusi gaya bahasa dan persembahan. Semua itu penting bagi memastikan ia memberi impak pada sesiapa juga yang melihatnya.

Jangan lupa Youtube dan TikTok. Kedua-duanya medium yang baik. Tetapi sekali lagi, ia bergantung pada kandungannya dan bagaimana anda mempersebahkan kandungan itu. Ada orang memilih pendekatan secara gila-gila, dan dia diingati kerananya. Itu juga satu bentuk pemasaran diri.

Pemasaran diri turut boleh dilakukan melalui aktiviti yang melibatkan masyarakat. Libatkan diri dalam erti kata sepatutnya, termasuk yang membabitkan mesyuarat, perhimpunan, kerja-kerja sukarela dan sebagainya.

Penglibatan itu pula haruslah secara serius. Jangan asingkan diri daripada sesi perbincangan.

Biasakan diri melontarkan buah fikiran tanpa perlu risau pandangan itu diremehkan. Anda tidak akan dihukum bunuh hanya kerana memberikan pandangan yang salah.

Penglibatan dalam aktiviti seperti itu adalah langkah awal dalam proses pembentukan jaringan. Dan jaringan sangat perlu bagi sebarang bentuk pemasaran.

Komitmen yang anda tunjukkan melalui penglibatan dalam kumpulan pertama akan menjadi

magnet untuk kumpulan kedua, ketiga dan seterusnya mencari anda.

Namun, di sebalik semua itu, rahsia pemasaran diri yang sebenar ialah anda melakukan segala sesuatu yang menjadi kebolehan dan kelebihan anda dengan sebaik-baiknya.

Jangan berkompromi dengan kualiti. Jika anda mampu melakukannya, hasil kerja anda itulah yang akan memasarkan diri anda.

Banyak selebriti terkenal barat yang menjauhi publisiti. Harrison Ford dan George Colloney misalnya sentiasa mengelak daripada wartawan dan sebarang agen publisiti lain.

Namun mereka tetap diburu oleh penerbit filem sebab mereka tidak pernah berkompromi dengan kualiti lakonan masing-masing.

Pelakon hebat Scarlett Johansson tidak mempunyai akaun Twitter dan Facebook.

Sandra Bullock tidak pernah berselfie. Kate Winslet, Mila Kunis, Julia Roberts dan Jennifer Aniston adalah antara orang-orang hebat yang menjauhi media sosial.

Namun seperti Ford dan Colloney, mereka tetap dicari. Malah keengganannya mereka untuk bermian medos itu dengan sendirinya menjadi 'pemasar' kepada diri mereka. Sebabnya? Kualiti kerja.

Ada juga orang yang sehar意 berkali-kali muat naik kandungan di medos, tetapi orang setakat cam muka dan ingat nama, namun tiada siapa berminat untuk bekerjasama dengan gannya.

Elakkanlah daripada berada dalam senarai orang-orang seperti itu kerana tidak guna dikenali, tetapi tidak dihargai!

**Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi adalah Presiden SLR Institute. Sebuah organisasi yang memfokus kepada kajian penyelidikan sosial dalam negara.**

**SAJAK**

**NILA**

Kalau aku setitik nila  
akanku mengasingkan diri  
daripada belanga susu  
kerana tidak inginku  
terjerat sengketa  
penyebab binasa.

Adalah lebih baik  
setitik jasadku  
diarahkan atas batik  
di mata UNESCO  
akulah seni  
meronakan warisan!

**Lim Wei Wen**  
Melaka

t.me/wilayahku

IMBAS KOD QR

**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

# Nikmati Fasa 2 penuh waspada

**S**EMINGGU sudah berlalu sejak Wilayah Persekutuan (WP) memasuki Fasa 2 Pelan Pemulihian Negara (PPN) mulai 10 September, serentak bersama jirannya, Selangor. Pengumuman dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 8 Oktober.

Setelah sekian lama berada dalam Fasa 1 dengan pelbagai kekangan dan sekatan, kini WP dan Selangor memasuki era baharu. Pelbagai sekatan yang berkuatkuasa sebelum ini dilonggarkan.

Menurut Ismail Sabri, keputusan ini dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19. Mesyuarat sama memutuskan Selangor, WP Kuala Lumpur dan WP Putrajaya digabungkan sebagai satu kawasan jangkitan sama.

Justeru pergerakan rentas daerah dan negeri dibenarkan kepada penduduk yang telah menerima dua dos lengkap suntikan vaksin COVID-19. Sehubungan itu, tiada lagi sekatan jalan raya (SJR) dikuatkuasakan.

Dengan peralihan fasa ini juga bermakna lebih banyak aktiviti ekonomi, sosial dan budaya di WP yang selama ini ditutup atau terhad operasinya, akan kembali dibuka.

Adi percaya langkah ini akan membolehkan kegiatan ekonomi kembali rancak setelah sekian lama suram akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ini sejajar dengan kedudukan Kuala Lumpur khususnya sebagai nadi ekonomi negara.

Dengan bertambah rancaknya sektor ekonomi, ia juga dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Adi penuh harap lebih ramai yang kehilangan kerja dan sumber pendapatan akibat tempias pandemik COVID-19 bakal mendapat kerja kembali.

Kebenaran rentas daerah antara WP dan Selangor dan sebaliknya adalah nikmat yang lama ditunggu. Rakyat Selangor di WP yang sekian lama rindu ingin balik ke kampung halaman di Selangor sudah pasti akan mengambil peluang kembali ke kampung halaman. Begitu juga rakyat Selangor boleh memasuki WP tanpa halangan.

Namun jangan tersalah anggap atau buat-buat lupa. Kelonggaran ini hanya bagi pergerakan rentas daerah dan negeri melibatkan WP dengan Selangor sahaja. Jangan pula cuba merentas ke negeri lain. Ini belum dibenarkan.

Bila rentas negeri dibenarkan mungkin diketahui selepas Oktober. Ini setelah Malaysia dijangka mencapai sasaran imuniti kelompok atau *herd immunity* bulan depan apabila 80 peratus atau lebih jumlah



SUASANA di Kuala Lumpur kembali sesak selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur beralih ke Fasa 2.

penduduk menerima dua dos penuh vaksin COVID-19.

Adi optimis, dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) berjalan lancar dan semakin ramai divaksinasi, jangkaan sasaran ini akan dicapai. Dengan itu apa yang diimpikan oleh rakyat Malaysia untuk rentas bebas di seluruh negara akan menjadi kenyataan.

Menurut data Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19, (JKJAV), 97.8 peratus populasi dewasa di Lembah Klang telah menerima suntikan dua dos lengkap, atau 76.1 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk.

Wilayah Persekutuan sendiri telah mencapai sasaran melebih 80 peratus, dengan Putrajaya paling awal. Atas kedudukan inilah WP dibenarkan beralih

ke Fasa 2. Malah WP Labuan muncul yang pertama mencapai sasaran imuniti kelompok dan kini berada dalam Fasa 4 PPN.

Memetik Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, dengan peralihan fasa ini, sektor pelancongan juga akan mula dibuka. WP menyertai Pulau Langkawi melaksanakan program 'gelembong pelancongan' atau *bubble tourism* mulai 16 September (semalam).

Pelancong akan dibenarkan kembali datang ke Labuan untuk bercuti dan bersantai di pulau yang memang terkenal dengan aktiviti pelancongan berteras laut.

Ingin Adi ingatkan, di negeri Fasa 2 dan seterusnya, sekalipun sektor pelancongan dibenarkan, ia hanya terhad di dalam negeri

## MAKLUMAN AWAM

### TRANSFORMASI & KESTABILAN POLITIK DI MALAYSIA

Asas kepada temeterainya MoU antara Kerajaan Persekutuan & blok pembangkang, Pakatan Harapan

Persefahaman besejahan ni telah dimaktubkan pada 13 Sept 2020

Kerjasama dwi-partisan ini berlaku menjadikan semangat Kekuarga Malaysia

Kerajaan yakni MoU ini berfungsi:

- Ketepikan segala perbezaan politik
- Pastikan pemulihara negara berjalan secara holistik & inklusif

Ini termasuk pentadbiran yang baik untuk:

- Merangani COVID-19
- Mewujudkan ekonomi
- Menanggulangi iklim pelaburan yang kondusif
- Menacu pertumbuhan ekonomi yang kukuh

MoU ini merangkumi:

- Pemeriksaan Pelan COVID-19
- Transformasi Pentadbiran
- Pembaharuan Parlimen
- Kebebasan Institusi Kehakiman
- Perjanjian Malaysia MAS3
- Pembentukan Jawatankuasa Pemandu

MoU - Memorandum Persefahaman  
Sumber: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

Diterbitkan: 13 Sept 2020 Infografik Bernama

**“Ingin Adi ingatkan, di negeri Fasa 2 dan seterusnya, sekalipun sektor pelancongan dibenarkan, ia hanya terhad di dalam negeri sama, melibatkan penginapan di hotel dan inap desa (homestay).**

sama, melibatkan penginapan di hotel dan inap desa (*homestay*).

Pengecualian hanya kepada negeri melaksanakan *bubble tourism*. Begitu pun, beberapa peraturan perlu dipatuhi. Misalnya perlu menggunakan khidmat ejen pelancongan. Mereka yang menaiki kapal terbang tidak perlu mendapatkan surat kebenaran rentas negeri daripada polis untuk ke destinasi. Ini disahkan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Bagaimana pun mereka yang melalui jalan darat, surat kebenaran tersebut diperlukan bagi tujuan rentas negeri dan sekatan jalan raya.

Perlu juga diingat, kelonggaran *bubble tourism* ini tidak terpakai kepada penduduk yang diletakkan dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Selain rentas daerah dan negeri serta pelancongan, Adi ingin menggariskan beberapa aktiviti yang dibenarkan dalam negeri-negeri yang berada dalam Fasa 2, khususnya Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang, seperti dinyatakan Ismail Sabri.

Asasnya, kesemuanya aktiviti tersebut dibenarkan hanya kepada yang telah menerima suntikan lengkap dua dos vaksin COVID-19.

Pasangan suami isteri jarak jauh dibenarkan merentas negeri bertemu pasangan masing-masing. Ibu bapa dibenarkan rentas negeri untuk berjumpa anak berusia di bawah 18 tahun. Makan di dalam atau *dine in* juga dibenarkan kepada mereka yang memenuhi syarat.

Untuk mereka yang aktif bersukan dan beriadah, prosedur operasi standard (SOP) juga dilonggarkan untuk beberapa aktiviti sukan. Selain sukan terbuka atau *outdoor*, aktiviti sukan dalaman (*indoor*) juga dibenarkan, kecuali gimnasium.

Bagaimana pun fasiliti sukan dan rekreasi komersial tertutup ini hanya dibenarkan dengan kawal selia. Penggunaan fasiliti perlu dilakukan dengan temu janji di samping mematuhi SOP.

Turut diberi kelonggaran beroperasi ialah sektor perdagangan dan pengedaran perniagaan, perniagaan kedai bunga atau nursery, kedai peralatan permainan luar (*outdoor*) dan galeri perumahan.

Negeri yang berada dalam Fasa 2 dan Fasa 3 juga diberi kelonggaran tambahan bagi kedai

gunting, pendandan rambut (*hair dresser*) serta salun kecantikan.

Dalam meraikan peralihan WP dan Lembah Klang ke Fasa 2 dan menikmati kelonggaran yang datang bersamanya, Adi ingin berpesan kepada warga WP dan Lembah Klang, kelonggaran yang diberi bukan 'kemerdekaan' penuh.

Bahana COVID-19 masih berlegar di sekeliling dan kerana itu semua masih perlu berhati-hati dan berwaspada dalam menjalankan pelbagai aktiviti yang dibenarkan. SOP masih dikuatkuasa dan mesti dipatuhi, seperti memakai pelitup muka dan penjarakan fizikal.

Sentiasa berpada-pada apabila melakukan aktiviti. Sekalipun rentas negeri dibenarkan, jangan gelojoh berduyun-duyun balik kampung dan kemudian tinggal lama di kampung halaman.

Begitu juga ketika bersukan atau *dine in*. Selesaikan dengan segera. Jangan bersantai dan bersembang lama-lama. Kurangkan risiko jangkitan ke tahap paling minimum.

Selalu ingat dalam proses berinteraksi atau setiap aktiviti dilakukan, seperti balik kampung, orang ramai mungkin berdepan dengan kelompok yang masih belum mendapat suntikan lengkap COVID-19. Waspadalah agar tidak menjangkit atau dijangkiti.

Justeru warga WP, raikan dan nikmati peralihan ke Fasa 2 ini secara berhemah. Jika selama ini boleh hidup dalam PKP dan Fasa 1, masakan kita tidak boleh bersabar menikmati Fasa 2 ini dengan perlahan-lahan dan penuh waspada.

- Adi Tuah

*Adi Tuah*

## SAJAK

### CAHAYA MUSIM BAHARU

Bila hadir cahaya baharu turun di dalam dimensi menyalaan setiap bucu mengembalikan warna suasana menerangkan kerikil dan debu kota mengantikan lanterna emas terlukis karya di kanvas kemanusiaan dari palitan palet kemajuan tiga wilayah pun disatukan dalam satu visi bermulalah misi menukar kelabu, menjadikan pelangi waktu merubah ilustrasi semalam biar bebas derita bertukar sakinat dengan cahaya baharu dari akal jauh dan tekad jenuh.

**M. Syazwi**  
Balai Seni Negara, Langkawi

Bantuan makanan YWP diteruskan selepas sekolah dibuka semula

# Pelajar diseru elak pembaziran

AINI MAWAWI

**P**ROGRAM Bantuan Makanan yang dilaksanakan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bagi membantu pelajar sekolah menengah daripada golongan berpendapatan rendah (B40) akan diteruskan seperti biasa sejurus sesi persekolahan dibuka.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, bantuan makanan tersebut akan dilaksanakan seperti sebelum ini kepada pelajar yang memulakan persekolahan terlebih dahulu.

"Insya-Allah bantuan tersebut dapat membantu para pelajar untuk lebih fokus dalam sesi pembelajaran dan pembelajaran (PDP) selain mengurangkan beban ibu bapa untuk memberi duit belanja kepada mereka."

"Kita faham dalam keadaan



ZAIZALNIZAM



sekarang ramai yang terjejas pendapatan sekali gus tidak mampu menyediakan belanja lebih-lebih lagi bagi yang mempunyai lebih daripada seorang anak yang bersekolah," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, mereka hanya perlu fokus kepada pelajaran dan meningkatkan prestasi dalam pembelajaran untuk berjaya seterusnya mampu mengubah masa hadapan keluarga kelak.

"Saya harap para pelajar dapat memanfaatkan bantuan ini sebaiknya dan elakkan pembaziran lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu saat ini. Dalam masa yang sama, kita akan menambah bilangan pelajar yang memerlukan," kata beliau kepada *Wilayahku*.



PARA pelajar teruja menikmati makanan percuma.

Mengulas lanjut, Zaizalnizam berkata, pihak YWP sentiasa peka dengan prosedur operasi standard (SOP) yang mana makanan yang disediakan akan dibungkus rapi.

Terdahulu, bantuan makanan

yang disediakan sejak 2016 oleh YWP membantu pelajar sekolah menengah daripada golongan berpendapatan rendah (B40) yang meliputi 108 buah sekolah di seluruh Wilayah Persekutuan.



**PERTIWI**  
WhatsApp  
: 013-680 6666  
: 013-688 7777

**DBKL**  
Tel : 03-2617 9000



**Perbadanan Putrajaya**  
Tel : 03-8000 8000  
Aduan : 03-8887 3000



**Perbadanan Labuan**  
Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852



**Wilayahku**  
WhatsApp  
: 011-5958 7489

Bantuan diberikan kepada pelajar miskin yang layak dan dikenal pasti oleh pihak sekolah serta Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. WK

# Rumah hampir dilelong, gadis ketepi muka lawajual bantal demi mencari rezeki

**PERINTAH** Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan demi membendung penularan wabak COVID-19 sudah diketahui memberi kesan mendalam kepada masyarakat, tidak terkecuali pengusaha Homey Bean Bags yang baru mengorak langkah perniagaannya.

Lebih getir apabila, kesukaran yang dialami **Fitrie Zariq** itu menyebabkan rumah keluarga yang didiami kira-kira 20 tahun hampir dilelong bank semasa PKP tahun lalu.



FITRIE

"Ayah pulak ada sakit jantung dan kos perubatannya agak tinggi. Disebabkan itu, kami terpaksa jual barang-barang di dalam rumah demi menyelamatkan rumah yang dipenuhi 1,001 kenangan manis."

"Rumah itu banyak mengisi kenangan kami sekeluarga bersama arwah ibu yang meninggal dunia akibat sakit lelah kronik."

"Ibu suka sangat rumah itu kerana luas untuk kami lima beradik dan arwah juga meninggal di ruang tamu rumah," ceritanya yang memulakan perniagaan sejak PKP 1.0 berikutnya terlampaui banyak komitmen yang perlu ditanggung.

Justeru, sebagai anak

sulung, dia menggalas tanggungjawab besar dan berusaha sekerasnya untuk mempertahankan rumah tersebut menerusi jualan bean bags secara atas talian.

Katanya yang pernah berhadapan dengan tekanan, faktor adik-beradik dan keadaan ayah yang sudah pencer menaikkan semangat serta iltizamnya untuk meningkatkan lagi sasaran jualan.

Malah, dia tidak menyangka dalam tempoh getir itu, secara tiba-tiba, jualan bean bags yang diusahakan melonjak tinggi dan sentiasa mendapat permintaan pelanggan.

"Mungkin disebabkan PKP, ramai yang duduk rumah. Ia menjadikan pilihan produk perniagaan yang dilakukan sangat bertepatan pada waktu ini."

"Tambahan pula, belum ramai yang mengusahakannya," ujar bekas wartawan Utusan Malaysia.

Fitrie yang juga pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Kewartawanan Universiti Teknologi Mara (UiTM) berkata, dia terpaksa mengetepikan perasaan malu apabila ramai yang menyangkanya tidak berpelajaran selain pernah dilabel



PRODUK bean bags mendapat permintaan tinggi dalam tempoh PKP.

'muka cantik, tapi jual bantal'.

Baginya, keadaan sekarang memerlukan usaha dan semangat yang tinggi di samping ilmu perniagaan bagi mendapatkan hasil serta menjana pendapatan.

Bercerita tentang produknya, Fitrie memberitahu, bean bags yang dijual disertakan dengan servis pencucian selain mempunyai pelbagai pilihan warna yang pastinya menepati cita

rasa pelanggan.

"Ia juga bersifat santai dan diminati kanak-kanak selain lebih menjimatkan kos berbanding perabot rumah yang lain. Orang dewasa juga boleh gunakannya."

"Bagi yang ingin mendapatkannya, boleh hubungi talian 013-5556209 atau terus ke laman sosial *homey\_beanbag* (*Facebook*) dan *homeybeanbag\_hq* (*Instagram*)," katanya. WK

# Grab rai komuniti penghantar makanan

**SEMPENA** Hari Merdeka dan Hari Malaysia tahun ini, Grab memberi penghormatan kepada komuniti rakan pemandu dan penghantar mereka yang menjalankan amanah dengan penuh tanggungjawab walaupun dalam situasi penuhar wabak berjangkit.

Ketua Pemasaran Grab Malaysia, **Hassan Alsagoff** berkata, tindakan prihatin kumpulan penghantar makanan dan rakan pemandu ini tidak disedari orang ramai.

"Oleh itu, Grab bekerjasama dengan artis tempatan, Jon Tham, untuk menggambarkan tentang kisah prihatin yang mengujakan menerusi karikatur riang ria dan unik. Antara pengisianya, Grab membuat kompilasi kisah prihatin menerusi tiga siaran trilogi bermula sekarang sehingga Hari Malaysia."

"Tema sulung trilogi ini ialah 'prihatin dan kedermawanan' yang memaparkan tindakan kecil yang mampu memberi motivasi dan mengubah kehidupan seseorang," katanya dalam kenyataan.

Menurut Hassan, pihaknya juga ingin menyebarkan mesej bahawa walaupun berhadapan kepayahan dan cabaran, masyarakat tetap saling membantu.

Katanya, lebih mengujakan apabila langkah yang diambil itu mendapat sambutan penumpang.

"Apa juar kesusahan dihadapi, Malaysia lebih gagah bersama. Marilah kita bersama-sama mendokong dan menyokong usaha berkenaan di samping menjawai erti warga se-Malaysia dengan menunjukkan sedikit rasa prihatin sesama kita," katanya. WK



**REALITI KEHIDUPAN**

# **RodaKota**

17 - 23 SEPTEMBER 2021 . BIL 132

**Wilayah Ku**



AZLAN ZAMBRY

**S**EBAGAI Pihak Berkusa Tempatan (PBT), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berperanan sebagai pemudah cara di antara pihak persatuan penduduk dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berminat untuk menjalankan aktiviti kebun bandar dengan agensi kerajaan yang terlibat bagi melancarkan lagi program tersebut.

Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti dan Kesejahteraan Bandar DBKL, Ismadi Sakirin berkata, tugas dan tanggungjawab DBKL adalah menjadi orang tengah di antara pihak berkepentingan atau agensi luar yang melibatkan perundangan, kawasan yang dipohon serta apa-apa yang berkaitan dengan program.

"Seperti yang kita sedia maklum, untuk program seperti ini tentunya melibatkan beberapa isu terutama kerjasama dalam kalangan penduduk atau melibatkan masalah tapak yang dikenal pasti untuk dimajukan sebagai kebun bandar.

"Oleh yang demikian, pembabitan DBKL dalam program ini adalah membantu kelancaran serta mengenal pasti masalah berbangkit agar ia dapat diselesaikan tanpa sebarang masalah," katanya kepada *Wilayahku* pada Ahad.



## **DBKL jadi pemudah cara kelancaran Program Kebun Bandar**

MEDIA WARDA KOTA  
PROGRAM Kebun Bandar ini merupakan inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk menyediakan aktiviti sampingan kepada warga kota.



Menurut Ismadi, DBKL merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan penduduk Kuala Lumpur dan bertindak sebagai penyelaras program.

"Jika melibatkan agensi luar, DBKL juga akan cuba membantu. Sekiranya ia melibatkan isu tanah atau tapak, kita akan berbincang dengan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL) untuk membantu, menyelaras dan menyelesaikan isu-isu berkaitan.

"Kalau ia melibatkan isu kewangan, kita boleh membantu dengan memberikan sedikit sumbangan agar penduduk dan komuniti akan memberi komitmen terhadap program ini," katanya sambil menambah program ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dan kerjasama komuniti berkenaan.

Menjelas lanjut, Ismadi berkata Program Kebun Bandar ini merupakan inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk menyediakan aktiviti sampingan kepada warga kota.

"Sebagai pengenalan, diperturunkan ke DBKL dan ia diletakkan di bawah program Local Agenda 21 (LA21) iaitu sebuah jabatan yang menyelaras perundingan masyarakat

tempatan secara sukarela dengan tujuan untuk mewujudkan dasar dan program tempatan yang berfungsi untuk mencapai pembangunan yang mampan.

"Selain itu, ia turut mampu menjana ekonomi komuniti bandar, dan boleh menjadi program sosial untuk menguatkan aktiviti serta meningkatkan kerjasama dalam kalangan penduduk di dalam satu komuniti bandar," katanya.

Menurut Ismadi, di bawah LA21 Kuala Lumpur mempunyai kira-kira 85 lokasi kebun bandar dan sebahagiannya terletak di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA). "Ia melibatkan 26 tapak dan ada sebahagiannya aktif manakala yang sebahagiannya tidak aktif. Malah, pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) turut berpeluang untuk mengusahakan kawasan tertentu bagi tujuan yang sama," katanya.

Ismadi berkata, buat masa ini, pihak DBKL tidak menganjurkan apa-apa pertandingan untuk menarik minat warga kota untuk mengusahakan Program Kebun Bandar.

"Walaupun begitu, terdapat kira-kira lima kawasan Kebun Bandar yang telah disenarai pendek untuk bertanding di peringkat kebangsaan anjuran agensi di bawah



ISMADI SAKIRIN

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu Plan Malaysia," katanya.

Ismadi berkata, sejak penubuhan program ini, pihaknya tidak mempunyai data yang tepat mengenai jumlah hasil pertanian yang berjaya dihasilkan oleh komuniti yang terlibat.

"Tujuan utama kebun bandar ini dilaksanakan adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan sumber makanan secara mudah dan murah dan ia merupakan program sara diri.

"Sebahagian lagi untuk penjanaan ekonomi secara khusus dengan mewujudkan koperasi dan dengan hasil jualan tersebut mereka boleh mendapatkan pendapatan sampingan.

"Walaupun data secara khusus untuk keseluruhan kebun bandar di Kuala Lumpur tidak direkodkan dari segi komersial dan Insya Allah akan datang ia mungkin boleh dilaksanakan perkara tersebut," katanya.

WK



KEBUN bandar dilaksanakan adalah untuk membantu golongan berpendapatan rendah mendapatkan sumber makanan secara mudah, murah dan ia merupakan program sara diri.



# Kebun Bandar bantu jana pendapatan komuniti

IDEA penubuhan program Kebun Bandar di Perumahan Awam Seri Perlis 2 dilaksanakan untuk membantu suri rumah menjimatkan perbelanjaan serta memanfaatkan ruang kecil di dalam kawasan tersebut.

Timbalan Pengurus, Kebun Kejiranan Bandar Perumahan Awam Seri Perlis 2, **Norhashimah Daud** berkata, pada awalnya, projek ini dilaksanakan dengan mensasarkan hanya untuk membantu isi rumah berbelanja dan mengelakkan kerugian.

"Kita bermula 2014 dengan niat utama untuk menjimatkan duit belanja dapur, kerana pada waktu kita beli barang dapur seperti daun kunyit, serai dan daun kesum ia dalam ikat yang besar serta tidak guna semua. Apabila disimpan ia jadi busuk dan akhirnya dibuang kadang dan kala kita perlu membelanjakan sehingga RM20 atau RM30 dalam satu minggu untuk mendapatkan sayur-sayuran."

"Oleh kerana situasi tersebut kami berpakat untuk membuka satu kebun kecil di kawasan perumahan ini. Mananya tanah atau ruangan kosong dalam kawasan ini kitajadikan kebun dapur dan apabila hendak masak, kita turun bersama-sama dan petik untuk kegunaan bersama dan ia tidak perlu ke pasar untuk membeli," katanya kepada *Wilayahku* pada Ahad.

Norhashimah berkata, usahanya itu selari dengan dasar Jabatan Pertanian yang turut melancarkan inisiatif yang sama dan turut menggalakkan kejiranan di seluruh negara mengadakan ruang untuk tujuan tersebut.

"Saya turut memohon



**NORHASHIMAH**

bimbingan dengan jabatan tersebut dan mereka menyokong permohonan kami malah pihak Jabatan Pertanian turut melihat usaha kami secara kecil-kecilan dengan inisiatif sendiri.

"Mereka berminat dengan beri tunjuk ajar, bimbingan dan input dari segi biji benih, pot dan kita bermula secara sedikit," katanya.

"Sampai hari ini kita turut mendapat bimbingan daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) dan turut menandatangani perjanjian persefahaman yang berkuatkuasa dari tahun 2018 hingga 2021 mengenai program pertanian bandar ini dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur," katanya.

Bercerita lanjut, Norhashimah berkata, program pertanian di kawasan kejirannya bermula dengan 20 orang dan mulai meningkat setelah jabatan dan agensi kerajaan turut membantu inisiatif yang dijalankan.

"Apabila Jabatan Pertanian membantu, banyak kursus yang dibuat, penduduk nampak program ini seronok dan setiap petang ramai pesara wanita dan orang muda yang pulang dari kerja turut meluangkan masa menyertai program kebun bandar di sini.

"Pada tahun kedua, kita sudah ada peningkatan dan ada kira-kira 60 orang peserta dan kalau tengok pada rekod keahlian, kita ada sehingga

100 orang. Kita turut beri galakan kepada penghuni-penghuni di luar rumah terutama di rumah bawah untuk bersama-sama dan kita beri mereka setiap satu rumah dua pot sebagai galakan mereka menceburii bidang pertanian bandar," katanya sambil menambah berlaku sedikit pengurangan kerana faktor kesihatan dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan ramai tidak mahu mengambil risiko.

Beliau berkata, sebagai permulaan pihaknya membuka empat plot dengan menanam beberapa jenis syauran serta tanaman herba yang sering digunakan dalam masakan.

"Kami mula menambah kawasan dan plot mengikut bilangan peserta yang menyertai program ini. Yang mana berdekatan dengan rumah masing-masing, maka kita buka satu plot untuk diusahakan.

"Kami juga turut mendapat bantuan daripada Kementerian Kewangan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) dan dengan bantuan tersebut, kami membuka plot ke sembilan," katanya.

Tambahnya, melalui sembilan plot tanah yang diusahaikan, terdapat lebih kurang 69 jenis herba dan hampir 10 jenis sayuran yang ditanam mengikut musim.

"Apabila sudah di tuai, di tapak yang sama akan ditanam semula kerana kawasan yang ada juga agak terhad," katanya.

Melalui program yang dilaksanakan itu, pihaknya turut mengambil peluang dengan menjual hasil tani di Pasar Tani Masjid

Khalid Al-Walid, Jalan Semarak yang bermula sebelum PKP.

"Kami membuka gerai pasar segar bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) setiap minggu, malah turut menjual anak pokok dan baja dan pernah mencatatkan jualan kira-kira RM450 untuk satu hari dan pernah juga mendapat RM80 hingga RM100.

"Malah ketika PKP, kami juga membuka gerai di dalam kawasan perumahan ini kerana tidak menggalakkan penduduk keluar," katanya.

Menurut Norhashimah, melihat kepada semangat dan komitmen ahli-ahli di kawasan ini, pihak Kejiranan Rukun Tetangga (KET) Seri Perlis 2 mengambil keputusan untuk mengaktifkan semula koperasi yang telah ditubuhkan sejak tahun 2010.

Mana-mana pendapatan daripada hasil jualan kebun, ia akan dimasukkan ke dalam akaun koperasi dan setiap peserta turut mempunyai saham mereka di dalam koperasi iaitu Koperasi Perumahan Awam Seri Perlis 2 yang ditubuhkan pada tahun 2010.

"Sejak koperasi di aktifkan, penduduk disini mula membeli untuk menambahkan lagi keuntungan kepada koperasi kerana mereka turut mempunyai pegangan saham di dalam koperasi tersebut.

"Kami turut membantu golongan pesara yang mengusahakan kebun secara individu dengan membeli hasil tani tersebut malah menjualnya melalui gerai yang dibuka dan keuntungan jualan turut dimasukkan ke dalam akaun koperasi," katanya. **WK**





## Menyelami denyut nadi rakyat

**W**ALAUPUN hari minggu, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim tetap bekerja demi kepentingan rakyat Kuala Lumpur.

Baru-baru ini Shahidan meluangkan masa hari minggunya untuk turun sendiri ke Pasar Borong Kuala Lumpur dan sekitar Jalan Alor di Bukit Bintang untuk mendengar sendiri masalah rakyat.

Isu peniaga di Pasar Borong Kuala Lumpur terutama masalah peniaga haram dan peniaga asing menjadi tumpuan dan menitik beratkan permasalahan peniaga tempatan.

Di Jalan Alor, Bukit Bintang, Shahidan mendengar sendiri keluhan dan resah peniaga di situ yang rata-rata terkesan teruk akibat pandemik yang berlaku sekarang. **WK**



SHAHIDAN bersama kakitangan kementerian dan pemimpin tempatan turun padang mendengar permasalahan rakyat di Pasar Borong Kuala Lumpur dan penjaja di Jalan Alor, Bukit Bintang.



SHAHIDAN meninjau keadaan peniaga di Pasar Borong Kuala Lumpur dan melihat kemudahan yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

# Tya Ariffin sebar aura positif dalam media sosial



DEEL ANJER

**KETAGIHAN** melalau sesetengah masyarakat terhadap media sosial dilihat menjadi pendorong kepada pembentukan perilaku dan sikap agresif, sehingga ada yang sanggup bertindak membunuh diri.

Misalnya terdapat sesetengah individu yang mengambil keputusan untuk membunuh diri apabila tidak tahan menjadi mangsa buli siber dalam media sosial.

Untuk itu, selebriti terkenal **Tya Ariffin** muncul sebagai pengacara menerusi program bual bicaranya dalam talian, Bersama Tya.

Tidak hanya mengundang rakan artis dan personaliti di Malaysia, Tya atau nama penuhnya, Nurtria Wulandari Ariffin ini turut

mengundang selebriti dari Indonesia di samping Datuk Seri Siti Nurhaliza, Tengku Zawiyah, Nina Ismail Sabri dan Datuk Prof Dr Muhaya Mohamad.

"Saya fikir ketika pandemik ini ramai yang bergelut. Malah terlalu banyak hal negatif di media sosial. Setidak-tidaknya perkongsian inspirasi dan positif daripada tetamu jemputan atau selebriti boleh menyebarkan aura baik."

"Isu yang dikupas juga sangat dekat dengan kita. Malah ada yang bersifat semasa dan terkini. Saya juga tak bataskan hanya tetamu jemputan di kalangan wanita saja. Nanti tetamu lelaki pun ada. Dulu perkongsian atau motivasi saya mungkin terbatas di kalangan usahawan."

"Tapi sekarang ini, sesiapa saja yang mengikuti saya di media sosial boleh mendapat benda sama. Malah saya juga ada kumpulan

telegram Tya Ariffin dan Instagram @ bersamanya," katanya yang meminati pengacara hebat Ellen Degeneres dan Mata Najwa.

Dalam pada itu, Tya juga berharap suatu hari nanti dapat mengundang wanita berpengaruh termasuk Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali sebagai tetamu jemputan.

"Malah saya bercita-cita mengundang tokoh pemimpin dan motivasi lain selepas ini," katanya yang mahu masyarakat terus bangkit dengan aura positif melalui programnya itu.

Program Bersama Tya bersiaran secara langsung setiap Isnin, Selasa dan Rabu pukul 10 malam di 'Instagram Live' sejak 14 Jun lalu.

Terdahulu, menantu penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza ini juga masih aktif berlakon, menyanyi dan mencuegi perniagaan jus kesihatan, Mutyara.

Tya juga mengaku dirinya sudah terbiasa dengan norma baru dalam kehidupan rumah tangganya.

"Dalam membiasakan norma baru sekalipun berdepan kekangan tertentu di era pandemik ini, kenapa tidak saya manfaatkan platform media sosial seperti Instagram hingga ke YouTube."

"Sebenarnya, dulu di negara kelahiran sendiri, Indonesia, saya pernah juga jadi penyampai radio. Cuma tak sempat berjinak-jinak jadi pengacara."

"Untuk tugas program ini, saya banyak melakukan semua kerja sendirian. Awalnya pasukan kerja saya yang menguruskan set program, tetapan gajet, bahan grafik dan sebagainya. Lagi pun saya sudah terbiasa buat 'live' di Instagram, jadi tidak canggung."

"Selepas itu, pendek kata semua saya uruskan sendiri. Termasuklah menata rias diri, menentukan



TYA ARIFFIN

pakaian yang mahu dipakai. Malah tetamu atau panel jemputan pun saya sendiri yang undang."

"Lagipun mudah kerana saya bersiaran di rumah. Anak pula pukul 9 malam sudah masuk tidur. Jadi masa 'live' saya tak diganggu mereka. Pembantu rumah hanya 'standby' tekan butang 'live' di telefon bimbit saja," jelasnya lagi. **W K**



SARIMAH IBRAHIM

## "Ambil tahu emosi rakan-rakan" – Sarimah Ibrahim

**PENINGKATAN** kes bunuh diri dan masalah mental dalam kalangan masyarakat semakin membimbangkan.

Atas rasa tanggungjawab, penyanyi **Che Puan Sarimah Ibrahim**, 43, dan Damian kini muncul dengan lagu Harapan yang liriknya boleh membangkitkan semangat mereka yang sedang tertekan.

"Projek ini bermula dengan perbincangan santai bersama 'orang kuat' Program AWAS (Awareness Against Suicide) Malaysia di bawah Yayasan Zuriatcare. Akhirnya diputuskan medium lagu dirasakan kaedah paling kuat yang boleh meresap jiwa pendengar."

"Lagu dan video muzik Harapan ini telah dilancarkan 10 September lalu sempena Hari Kesedaran Bunuh Diri Sedunia. Lirik Harapan masih berkisar kesakitan tetapi berpegang kepada harapan. Masih ada hari esok dan jangan putus asa."

"Tanpa kesihatan mental, tiada kesihatan rakyat dan negara. Kita tidak boleh menafikan bahawa lagu Harapan merupakan salah satu elemen penting bagi mereka yang sedang melalui fasa penyembuhan dalam kehidupan."

"Justeru, ambil tahu dan ambil berat tentang perasaan dan keadaan emosi rakan-rakan, ahli keluarga dan jiran kita supaya kita sama-sama dapat membantu

dan mencegah terjadinya sesuatu yang akan dikesali dan lebih menyedihkan kelak."

Sebelum ini, Sarimah yang menjadi pengasas bersama dan Duta Kempen #StandForHope sering terbabit dalam program kesedaran kesihatan mental.

"Saya banyak memberi sokongan terhadap aktiviti masalah mental sejak dua tahun lalu. Saya muncul dalam program bual bicara, menjadi ahli panel dan membuat lantas langsung dalam media sosial."

"Saya terfikir bagaimana cara menyentuh hati khalayak mengenai isu ini. Akhirnya, dapat idea untuk mencipta lagu yang memberi penerangan selain menyentuh hati

mengenai topik bunuh diri," katanya lagi.

Kita sedia maklum sepanjang pandemik COVID-19 melanda Malaysia sejak Mac 2020, kes kematian akibat bunuh diri semakin meningkat.

AWAS menyokong usaha kerajaan yang telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu ini.

AWAS juga menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia agar turut bersama-sama memainkan peranan dalam memupuk kesedaran terhadap gejala bunuh diri dan memberi bantuan terhadap mereka yang terkesan akibat perlaku bunuh diri.

## Pelbagai program agama di Kompleks Anjung Husnul Khatimah – Azadan Rabbani

**SATU** khabar gembira buat masyarakat apabila Yayasan Kebajikan Sabha dijangka membina pusat Islam iaitu Kompleks Anjung Husnul Khatimah di Bukit Cerakah, Shah Alam, Selangor yang bernilai RM20 juta.

Berpengalaman dalam bidang pengurusan acara dan komunikasi korporat bersama Rabbani Productions (M) Sdn. Bhd. seawal 1997, penyanyi nasyid kumpulan Rabbani iaitu **Azadan Abdul Aziz** diberi kepercayaan untuk melaksanakan gerak kerja promosi dan pemasaran untuk Kompleks Anjung Husnul Khatimah.

Selain menyediakan kemudahan untuk orang ramai menginfak dan memberi sumbangan untuk dana Pembinaan Anjung Husnul Khatimah, Azadan juga telah

menyusun beberapa aktiviti bersama pengasas kompleks itu, Datuk Dr Hasan Hj Mohamed Ali.

Antaranya adalah menjayakan program motivasi, kaunseling, perkhemahan ibadah, majlis ilmu dan sambutan bulan Islam yang membawa kepada promosi dan pemasaran Kompleks Anjung Husnul Khatimah.

"Kami akan merancang pelbagai aktiviti dan program yang melibatkan rakan-rakan asatizah dan juga selebriti yang bersesuaian dengan konsep Anjung Husnul Khatimah."

"Semoga dengan ini dapat mempercepat dan memudahkan lagi proses pembinaan Kompleks Anjung Husnul Khatimah serta dapat memberi manfaatnya kepada kita semua."

"Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada rakan media, orang

perseorangan, sahabat-sahabat seperjuangan, rakan korporat, badan bukan kerajaan dan semua penyumbang semoga kita semua akan kembali dalam keadaan Husnul Khatimah," jelasnya.

Dalam masa yang sama, Datuk Dr Hasan juga berharap lebih ramai pihak yang menyokong dengan memberi sumbangan bagi pembinaan Kompleks Anjung Husnul Khatimah yang bernilai RM20 juta.

"Usaha sedang giat dibuat untuk memperoleh dana yang diperlukan. Sehingga hari ini, sambutan diberi adalah mengalakkannya dalam mana setiap hari sumbangan diterima melalui akaun Yayasan Sabha yang majoriti bentuk sumbangannya dalam bentuk runcitan," katanya dalam sidang media secara virtual baru-baru ini.

Menurut beliau, pengendalian

program pentarbiyan bakal dimulakan apabila kompleks dijangka siap pada pertengahan tahun 2023 yang dikendalikan mengikut lunas profesionalisme dan moden di samping memberi penekanan kepada aspek kualiti dan produktiviti.

"Golongan fakir miskin, anak yatim serta ibu tunggal dikecualikan daripada membayar yuran pendaftaran. Pihak Yayasan akan mengusahakan supaya penyertaan mereka dibuat atas dasar tajaan."

Sementara itu, mereka yang ingin memberi sumbangan bagi menampung kos pengurusan, makan minum, penyelenggaraan dan sebagainya, boleh menghubungi YSK di talian 03-7732 1669 atau +6019-213 0147 atau layari laman web [www.anjunghusnulkhatimah.com](http://www.anjunghusnulkhatimah.com).



AZADAN

# Sambut Hari Malaysia dengan drama terbaik RTM



DIANA SYUHADA  
MOHD AMIR

**H**AI pembaca Wilayahku, kali ini kami kongsikan drama terbaik dari Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang terus menyebarkan aura semangat dan kemeriahana sambutan Hari Malaysia dengan mengangkat tayangan drama-drama terbaik mengisi slot Panggung RTM.

Empat drama khas yang disiarkan menerusi saluran TV1 ini sarat dengan suntikan elemen perjuangan, jati diri, perpaduan dan kekeluargaan ini pastinya pada masa sama menambah rasa kecintaan semua terhadap tanah tumpah negara kita.

Bagi yang terlepas untuk menonton drama terbaik ini, anda boleh saksikannya siaran bila-bila masa dan dimana sahaja menerusi portal online, RTM Klik ([rtmklik.rtm.gov.my](http://rtmklik.rtm.gov.my)) dan rtm mobile. Jangan lupa untuk memuat turun aplikasinya di Google Play dan App Store. **WK**

## #2 Bukan Lelaki Biasa

Pengarah: Shuhaimi Luu  
Pelakon: Radhi Khalid, Nad Zainal, Idris Khan

**IKUTI** kisah "Bukan Lelaki Biasa" membawa kisah Mujahid Delwar, seorang lelaki berasal dari Dhaka yang berhijrah ke Malaysia akibat krisis pengangguran di Bangladesh. Walaupun mempunyai ijazah, di Malaysia Mujahid bekerja sebagai pembantu kedai mamak, pencuci bangunan serta pengawal keselamatan.

Namun, akibat sikap lurus dan berterus-terangnya, Mujahid sering dibuang kerja kerana caranya tidak disukai oleh ketuanya. Bagaimanakah kehidupan Mujahid? Mampukah Mujahid memperbaiki kehidupannya?

Ditayangkan pada 31 Ogos 2019 sempena Hari Kebangsaan, drama ini juga mengisahkan anak-anak Malaysia kacukan Bangladesh yang tebal jiwa patriotiknya walaupun sering dihina perbezaan bangsa, budaya dan asal-usulnya tidak menghalang mereka menjadi anak Malaysia sejati.




## #3 Raja Sungai

Pengarah: Azwandy Suhaimi  
Pelakon: Anding Indrawani, Melati Mellisa, Zielan Madinil

**RAJA** Sungai pula berkongsi plot cerita watak utama iaitu Adam kembali ke kampung untuk urusan tanah pusaka peninggalan ayahnya. Kampung Adam merupakan jaguh dalam pertandingan lumba perahu suatu ketika dahulu kerana sering merangkul takhta Raja Sungai pada setiap temasya.

Namun, segalanya berubah ketika kemalangan yang mengakibatkan ramai penduduk terkorban pada temasya 30 tahun lalu. Ayah Adam telah dipersalahkan dalam bencana ini. Kejadian itu juga menyebabkan penduduk kampung berpecah belah.

Adam berniat untuk mengembalikan zaman kegemilangan kampungnya dalam lumba perahu namun ditentang oleh Latep kerana ayahnya juga merupakan mangsa koraban dalam kejadian tersebut. Berjayakah Adam menyatakan semula semangat penduduk kampung? Pasukan manakah yang bakal merangkul gelaran Raja Sungai?



## #1 Perauk Tambang

Pengarah: Datuk Jurey Latif Rosli  
Pelakon: Azam Pit, Mubarak Majid, Elisha Sandha

**SEMALAM** RTM meraikan Hari Malaysia dengan tayangan panggung khas iaitu "Perauk Tambang" yang ditayangkan pada pukul 11.00 pagi.

Menonjolkan konflik berlaku apabila Pak Tambang tetap mahu meneruskan

pekerjaan membawa perahu tetapi anaknya Zamin tidak bersetuju. Ini kerana bagi Pak Tambang, perahunya banyak menyimpan kenangan sebaliknya Zamin mahu ayahnya berehat di rumah dengan faktor usianya yang sudah tua. Bagi yang terlepas menontonnya, anda boleh menonton menerusi portal online RTM Klik dan RTM mobile.



## #4 Bajur Jersi Amar

Pengarah: Jet Lee (M Nazir Juhan)  
Pelakon: Raja Atiqullah, Fimie Don, Didie Astillah.

**MENARIK** dibawakan dalam drama "Baju Jersi Amar" pula kisah Amar yang berpindah dari dunia serba miskin ke dunia baru dan menemui cinta sejatinya dalam sukan bola sepak, namun halangan dihadapinya apabila kehadirannya dibenci oleh masyarakat keliling.

Amar mempunyai impian besar. Namun sejak kematian ibu dan bapa, dia dibesarkan oleh datuknya, Pokwe. Semakin hari, pelajaran Amar semakin merosot. Pokwe bersungguh-sungguh meminta Amar ke Kuala Lumpur untuk bertemu dengan Dr. Aizat. Siapakah Dr. Aizat? Saksikan telefilem ini menerusi RTM Klik untuk mengetahui kesudahannya.



# Resipi menarik sempena Hari Malaysia



SABRINA SABRE

**S**ELAMAT menyambut Hari Malaysia yang ke-58 buat semua pembaca setia akhbar Wilayahku!

Walaupun sambutan kali ini tidak semeriah seperti tahun-tahun sebelumnya tetapi kita tetap merasa semangat perpaduan itu kan? Buat yang malas hendak keluar mencari makanan pada Hari Malaysia ini, jom cuba resepi seperti yang dikongsikan di bawah ini. Masak sendiri lagi jimat! Suami dan anak-anak pun mesti suka. WK

## Nasi Goreng Kampung

### BAHAN-BAHAN

- 4 cawan nasi sejuk dilerakan
- 1/2 cekak kangkung
- 5 tangkai kacang panjang dipotong kecil
- 1 keping dada ayam dihiris kecil
- 1 biji telur
- 1 biji bawang besar dihiris



### BAHAN TUMBUK HALUS

- 4 biji bawang merah
- 2 ulas bawang putih
- 10 biji cili padi merah Thai
- 1 camca besar ikan bilis
- Secubit belacan

### CARA PENYEDIAAN

1. Panaskan minyak dalam kuali, tumis bahan-bahan tumbuk halus hingga harum, masukkan isi ayam dan kacau rata. Masak hingga isi ayam berubah warna.
2. Masukkan kacang panjang dan bawang besar, kacau dan masak sekejap. Tolak ke tepi kuali.
3. Tuang telur, masak sekejap dan kacau hingga menjadi telur hancur. Gaul rata.
4. Tambah garam secukup rasa dan masukkan nasi.
5. Gaul rata dan masukkan kangkung. Gaul lagi dan masak hingga kangkung layu sedikit.
6. Sajikan makanan bersama telur mata kerbau atau ulam petai mengikut cita rasa masing-masing.

## Mee Bandung

### BAHAN-BAHAN

- 40 gram perencah Mee Bandung Adabi
- 9 cawan air
- 10-15 ekor udang
- 1 ikat sayur Bok Choy
- 3 biji telur
- 450 gram mee kuning
- 1 tangkai cili hijau dihiris halus
- 2 biji limau kasturi dibelah dua
- Daun bawang dihiris halus
- Bawang goreng (Optional)

### CARA PENYEDIAAN

1. Masak air, udang dan perencah Mee Bandung Adabi ke dalam periuk. Kacau sehingga mendidih.
2. Masukkan batang sayur Bok Choy dan



- telur. Biarkan telur masak dan sedikit mengeras.
- 3. Akhir sekali masukkan mee kuning dan daun Bok Choy. Kacau selama 1-2 minit sahaja. Tutup api.
- 4. Sebelum dihidangkan, tabur daun bawang, cili hijau, limau kasturi dan telur rebus.
- 5. Sedia untuk dinikmati. Selamat mencuba.

## Masalodeh

### BAHAN-BAHAN

- 2 cawan kacang dal (direndam selama 4 jam)
- 2 biji bawang besar
- 2 biji cili merah
- 2 biji cili hijau
- 5 tangkai cili kering
- 2 tangkai daun kari
- 1 sudu makan jintan manis ditumbuk kasar
- Garam dan perasa secukupnya

- 4. Bentukkan adunan menjadi bulat.
- 5. Goreng sehingga kekuningan dengan menggunakan api.



### CARA PENYEDIAAN

1. Cincang atau hiris 2 biji bawang besar, 2 biji cili merah, 2 biji cili hijau, 5 tangkai cili kering dan 2 tangkai daun kari.
2. Kisar kering kacang dal.
3. Satukan semua bahan-

## Asam Laksa

### BAHAN KISAR

- 1 jari telunjuk kunyit hidup
- 25 biji cili padi
- 1 ibu jari lengkuas
- 3 inci belacan Melaka merah
- 3 labu bawang besar

### BAHAN HIRISAN

- Timun
- Daun pudina
- Bawang besar
- Cili merah/padi
- Salad
- Kantan

### BAHAN LAIN

- 5 serai - titik
- 1 senduk cili giling



### CARA PENYEDIAAN

1. Ikan dicuci bersih dan direbus, angkat dan disiarkan isinya.
2. Tapis air rebusan diguna untuk buat kuah.
3. Masukkan kesemua bahan kisar dan bahan-bahan lain.
4. Masak dengan api perlahan.
5. Masukkan gula dan garam.



## Mee Goreng Mamak

### BAHAN-BAHAN

- 400 gram mee kuning
- 1 manguk isi ayam
- 1 paket kek ikan
- 1 ikat sawi
- 2 sudu besar cili kering kisar
- 1 sudu besar rempah kari
- 3 sudu besar kicap pekat
- 1 labu bawang besar dihiris
- 3 biji telur
- 3 tangkai cili hijau
- 1/2 sudu kecil garam
- 2 sudu besar minyak masak
- Sedikit air



### CARA PENYEDIAAN

1. Panaskan minyak dan tumis bawang besar hiris sehingga naik bau.

Masukkan rempah kari dan kacau rata. Masukkan sedikit air.

2. Masukkan cili kering kisar dan kacau rata sehingga cili masak. Masukkan ayam dan sedikit air untuk ayam masak. Masak sehingga air kering dan terbit minyak.
3. Masukkan kicap pekat dan kacau lagi sehingga sebat. Masukkan kek ikan dan batang sawi. Kacau lagi.
4. Masukkan mee kuning dan kacau rata dengan api besar. Setelah rata, masukkan telur. Kacau rata sehingga telur bersalut dengan mee.
5. Akhir sekali, masukkan garam secukup rasa dan daun sawi. Kacau rata. Sebelum dihidangkan, tabur cili hijau. Selamat menjamu selera.



# Biasakan diri hidup bersama COVID-19

WONG SIEW MUN

**B**ARU-BARU ini Menteri Kesihatan, YB Khairy Jamaluddin mengumumkan Malaysia bakal memasuki fasa pandemik COVID-19 bermula hujung Oktober ini. Pelbagai reaksi yang boleh dibaca menerusi ruangan komen di media sosial. Ada yang berlapang dada menerima berita tersebut, tak kurang juga yang mengecam kerana menyifatkan kerajaan telah gagal menangani pandemik ini.

Mungkin ada di antara kita yang tidak sedar bahawa kita sememangnya sudah hidup ‘bersama’ penyakit endemik ini. Endemik bermaksud penyakit yang sentiasa wujud dalam masyarakat atau sesuatu tempat. Penyakit ini dijangka akan sentiasa ada kes dan pada kadar yang stabil serta rendah.

Kita memang sudah hidup dalam penyakit endemik seperti denggi, malaria dan hepatitis. Penyakit ini masih ada namun kadar dijangkiti masih berada pada tahap yang terkawal. Jadi mengapa kita perlu risau untuk meletakkan COVID-19 ini sebagai penyakit endemik?

Tidak dinafikan kadar kes harian yang dicatatkan kebelakangan ini begitu membimbangkan. Tetapi adakah itu alasan untuk kita menudung jari kepada kerajaan dan menuduh kerajaan gagal mengawal pandemik ini?

Bila ada kematian yang melibatkan COVID-19, mengapa begitu mudah kita nak salahkan pihak kerajaan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan pihak lain? Tapi mengapa kita



**KEBEBAAN itu tidak mungkin dicapai sepenuhnya, kerana perlu hidup dalam norma baharu dengan amalkan SOP yang telah ditetapkan.**

tidak salahkan diri sendiri apabila beribu orang yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya?

Kerajaan telah memperuntukkan berjuta ringgit membuat Kempen Keselamatan Jalan Raya, tetapi masih lagi berlaku kemalangan atas kecuaian diri kita. Adakah kita masih ingin salahkan kerajaan? Bila kematian melibatkan kemalangan, pasti ada mulut yang berkata, itu semua takdir dan ajal, tapi tidakkah kita terfikir perkara yang sama terhadap COVID-19 ini?

Apa-apa pun semuanya berbalik kepada diri kita sendiri. Muhasabah diri dan tidak perlu salahkan atau menghina orang lain. Ini semua dugaan buat kita semua, dan seharusnya kita mengambil pengajaran daripada apa yang telah berlaku.

Kita semua ingin kembali hidup bebas seperti dahulu. Mungkin ‘kebebasan’ itu tidak mungkin dicapai sepenuhnya, kerana kita perlu hidup

dalam norma baharu dengan mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan. Mungkin akan ada sedikit kelonggaran, namun tetap perlu patuhi SOP supaya kadar jangkitan tidak berada pada tahap yang tinggi.

Setakat 6 September 2021, sebanyak 68 peratus populasi dewasa telah menerima vaksin lengkap. Vaksin tidak menjadikan kita kebal tetapi ia mengurangkan kebarangkalian untuk kita menghadapi simptom COVID-19 yang serius.

Walaupun telah divaksin lengkap, kita masih perlu patuhi SOP dan amalkan norma baharu, kita tidak boleh leka.

Untuk menghilangkan virus daripada dunia bukanlah sesuatu yang mudah, ia mengambil masa bertahun-tahun dan bukan sebulan dua. Vaksin adalah jalan terbaik untuk melindungi semua orang bukan sahaja rakyat di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Jika kita gagal menerima

suntikan vaksin, kesannya bukan hanya kepada diri kita sendiri tetapi turut melibatkan orang sekeliling tambahan pula wabak ini akan menyerang daya pernafasan seseorang yang telah dijangkiti.

Jangan hanya pandai bermain kata-kata. Kerajaan juga perlu memikirkan banyak aspek jika total ‘lockdown’ dilakukan. Adakah ekonomi negara dapat bertahan jika ia dilaksanakan? Adakah kita akan menerima gaji bulanan seperti biasa jika perkara itu berlaku?

Betul, sekarang ini banyak perkara yang telah diberikan kelonggaran oleh kerajaan kecuali rentas negeri dan daerah, hanya beberapa negeri dan sebab sahaja yang dibenarkan setakat artikel ini ditulis. Tetapi, itu bukan bermakna kita semua terhindar daripada virus jahat ini.

Apa yang perlu kita lakukan ialah untuk terus patuhi SOP. Jangan pentingkan diri sendiri, kita perlu didik diri sendiri untuk terus berdisiplin. Bagi mereka yang masih berkira-kira untuk mendapatkan vaksin, pergilah. Ini adalah usaha kebersamaan kita untuk mengekang penularan COVID-19 ini.

Tetapi, jika masih ada golongan yang degil untuk tidak menerima vaksin, bagaimana kita boleh mengawal pandemik ini? Adakah kita nak hidup dengan pandemik ini untuk beberapa tahun akan datang lagi?

Lagi satu, cukup-cukuplah kita kaitkan isu pandemik ini dengan situasi politik di negara. Tiada masuk akal jika ada pihak yang cuba katakan angka kes harian sengaja direka atas kepentingan orang-orang politik. Apa

faedahnya jika ia dilakukan? Sebab itu suka saya ingatkan yang kita perlu muhasabah diri. Mencari keburukan orang memang mudah, tapi adakah diri kita sudah cukup sempurna?

Mengaitkan hal pandemik yang boleh membawa kematian ini dengan isu politik pastinya menguris perasaan waris-waris mereka. Jadi hentikanlah mengaitkan dua perkara ini kerana ada hati dan perasaan yang perlu kita jaga.

Kita perlu tahu apa sahaja yang berlaku ini pasti ada hikmahnya. Kita hanya perlu berusaha dan bersabar menghadapi segala dugaan ini. Jangan pentingkan diri sendiri untuk tidak mengambil vaksin kerana ia bukan sahaja memberi kesan kepada diri anda tetapi juga orang sekeliling.

Betul, suntikan vaksin ini tidak wajib kepada semua.

Tetapi itu bukan lesen untuk kita menyebarkan berita palsu dan menakutkan orang lain yang ingin menerima vaksin. Setiap orang pasti ada pendapat masing-masing mengenai vaksin ini, itu tidak salah, tetapi yang menjadi kesalahan apabila golongan ini menghasut orang lain dengan menceritakan keburukan vaksin yang jelas tidak masuk akal.

Kerajaan telah memainkan peranan mereka dengan menyediakan vaksin kepada rakyat, sebagai rakyat, kita juga perlu memainkan peranan untuk menerima vaksin tersebut dan bersama-sama dengan kerajaan untuk mengekang penularan COVID-19 ini.

Saya tahu semua orang sudah penat dengan situasi sekarang, bersabarlah...ia akan berlalu tidak lama lagi.

## Tanggung jawab jaga lapisan ozon bermula daripada rumah kita



PROF. MADYA DR. ZUL ILHAM ZULKIFLEE LUBIS

EMPAT dekad yang lalu, para saintis telah memberi amaran berkenaan betapa seriusnya kesan penipisan lapisan ozon yang boleh memudaratkan kesihatan manusia sekiranya itu terus diabaikan.

Mujurlah masyarakat global, termasuk negara kita Malaysia, bergerak sejajar dengan perjanjian yang telah dimeterai pada 1985, iaitu Konvensyen Vienna untuk Melindungi Lapisan Ozon dan Protokol Montreal untuk Kawalan Bahan Penipis Lapisan Ozon pada 1987.

Hasil kawalan penggunaan bahan kimia penipis lapisan ozon seperti kluorofluorokarbon (CFCs), hidroklorofluorokarbon (HCFCs), halons, karbon tetraklorida, metil kloroform dan metil bromida ini

telah berjaya mengelakkan terjadinya malapetaka radiasi yang lebih memudarat akibat kerosakan lapisan ozon. Pemerhatian saintifik juga menunjukkan pengurangan bahan kimia yang biasa digunakan untuk aplikasi refrigerasi, pendingin hawa dan aerosol ini juga menunjukkan kesan positif bahawa lapisan ozon telah berjaya dipulihkan.

Walau bagaimanapun, pengurangan bahan kimia penipis lapisan ozon seperti tersenarai di atas telah menyebabkan pula peningkatan penggunaan gas berfluorin (Gas F) sebagai pengganti. Ini telah mewujudkan masalah baru, kerana gas-gas seperti perfluorocarbons (PFCs) dan sulfur heksafluorida (SF6) ini, sungguh pun tidak menipiskan lapisan ozon, adalah merupakan sejenis gas rumah hijau (*greenhouse gases*). Lebih membayangkan, kelompok Gas F ini memberikan impak negatif yang lebih besar terhadap perubahan iklim berbanding gas rumah hijau

yang kita biasa Dengari, iaitu karbon dioksida. Sejak 1990an, peningkatan penggunaan kelompok Gas F ini amat merisaukan, dan kini penggunaannya dikawal selia oleh Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) serta Protokol Kyoto.

Sempena Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia yang bakal disambut pada 16 September ini, marilah kita sama-sama melihat apa yang boleh kita lakukan sebagai ahli komuniti yang cakna alam sekitar untuk sama-sama melindungi lapisan ozon, iaitu lapisan perisai gas pelindung nipis sekitar 15 hingga 30 km dari permukaan bumi yang sentiasa melindungi hidupan dunia daripada komponen radiasi berbahaya matahari ini.

Pertama, pastikan kita menggunakan produk mesra ozon, atau bebas CFCs. Sebelum menggunakan apa-apa produk terutamanya yang melibatkan gas

yang meruap, perhatikan label dan pastikan kandungannya supaya tidak mengandungi bahan-bahan kimia perosak ozon. Di samping itu, jadilah pengguna peralatan refregerasi, peti sejuk dan pendingin hawa yang disahkan pihak berkuda sebagai mesra ozon.

Yang terakhir, rancanglah perjalanan dengan bijak, dan sentiasa mengutamakan penggunaan kenderaan awam. Oleh kerana kekangan pandemik COVID-19, pastikan kenderaan yang anda pandu adalah efisien penggunaan bahan apinya dan jika berkemampuan, miliki kenderaan hibrid atau yang boleh menggunakan bio bahan api sebagai alternatif bahan api fosil. Ini secara langsung amat membantu dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dengan signifikan.

Bio bahan api terkini tidak lagi menggunakan sumber tumbuhan makanan sebagai bahan asasnya, sebaliknya menggunakan biojisim

termaju, sisa pertanian dan minyak kitar semula. Situasi ini tentunya mengelakkkan dilema persoalan “Makanan atau Minyak?” yang sering diperdebatkan.

Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia ini telah diperkenalkan pada 1994 bagi menyambut pencapaian warga dunia dalam usaha kita sama-sama memulihkan lapisan ozon bumi. Walaupun cabaran sebenar di tangan kita pada masa kini ialah perubahan iklim, pencapaian ini telah menjadi tanda aras bahawa keputusan secara kolektif dan tindakan yang sepakat masyarakat dunia berpadukan maklumat saintifik, dapat menjadi ikhtiar dan jalan terbaik untuk kita semua menyelesaikan cabaran-cabaran besar dan berskala global.

Penulis merupakan penyelidik bidang tenaga dan alam sekitar di Institut Sains Biologi, Fakulti Sains Universiti Malaya, dan boleh dihubungi di ilham@um.edu.my



KU SEMAN KU HUSSAIN  
Wartawan Bebas

**B**ERDIRI di tengah jejambat yang merentas jalan di depan Puduraya 2 Januari 1984 adalah kali pertama saya melihat suasana pagi di Kuala Lumpur.

Walaupun baru pukul 6.30 pagi tetapi kehidupan sudah bermula. Manusia sudah hilir mudik – berduyun-duyun bas mini mengaum dan menyusur jalan macam lipas kudung.

Pemandangan pertama kota yang menadah kehadiran saya itu memang menyekak lagi merimaskan. Itulah pagi pertama saya kehilangan ciapan burung murai dan merbah yang menjadi pembuka hari ketika di kampung. Semua sudah berubah apabila di kota.

Saya mulai bertanya sendirian, terdayakah untuk berada dalam kehidupan yang sedemikian? Melihat bas mini yang kecil dan penuh sesak dalamnya, saya seperti tumpang lemas dan tidak boleh bernafas. Itulah pengalaman baharu yang akan didepani sebagai perantau di kota batu.

Bas mini pengangkutan utama walaupun ada bas panjang seperti Sri Jaya, Fuh Hup atau Tong Fong. Tetapi bas mini lebih popular.

Walaupun jalan sesak, bas mini mampu bergerak lebih pantas. Menyelit dan buat pusingan U asal sahaja ada peluang.

"Hang pi tunggu depan Kota Raya, cari bas nombor 13. Bayar lima kupang saja sampai la ke pejabat," pesan ketua pemberita Douglas Tay. Waktu itu kira-kira dua minggu saya menjadi warga Utusan Melayu. Douglas kasihan kerana setiap hari menggunakan teksi untuk datang ke pejabat dan keluar membuat tugas (*assignment*).

Banyak yang pilih bas mini kerana murah, tambang 50 sen walaupun tidak selesa. Berhimpit-himpit macam ikan sardin, lebih

# Bas mini nombor 13

**“Saya fikir mereka yang lahir tahun 1980 dan ke atas terlepas menikmati pengalaman naik lipas kudung ini. Generasi sebelum itu, kalau tidak pernah merasa thrill naik lipas kudung tandanya dia orang berada. Atau pangkat besar dan gaji pun besar.”**

menyeksakan ketika hari hujan. Tingkap ditutup dan semua penumpang tercungap-cungap macam ikan ke darat kerana kekurangan udara.

Laluan bas mini nombor 13 antara Chow Kit dan Salak Selatan yang menempuh beberapa stesen – Bangkok Bank, Kota Raya, Puduraya, Panggung Majestic, pejabat pos Jalan Pudu dan Jalan Chan Sow Lin. Untuk ke Utusan Melayu saya turun di simpang kepala Jalan Lima, kemudian menapak lebih kurang 500 meter.

Semua wartawan baharu pengambilan 1984 menggunakan bas mini. Ini termasuklah Datuk Aziz Ishak bekas Ketua Pengarang Kumpulan dan beberapa lagi yang menjadi individu terkenal. Aziz memang asal Kampung Baru dan cekap menggunakan bas mini.

Bas mini memang sangat menjimatkan. Kalau teksi boleh capai berbelas ringgit tetapi bas mini hanya 50 sen. Bas mini adalah pengangkutan untuk golongan marhaen seperti saya dan kawan-kawan. Bagaimanapun kena banyak bersabar, terutama waktu puncak sebelah pagi atau petang.

Kalau boleh duduk, itu dianggap rezeki yang datang bergolek. Malah yang boleh berdiri pun rezeki juga berbanding yang hanya bergayut di pintu sambil sebelah kaki memijak tangga. Beberapa kali juga saya mengalami pengalaman negeri ini.



KENANGAN manis menaiki bas mini mengingatkan kembali zaman awal mencari rezeki di Kuala Lumpur 30 tahun dahulu.

Bayangkan apabila bas mini itu membuat pusingan U dengan laju atau menyelit di tengah-tengah kesesakan macam motor kapcai.

Berderau darah kerana gayat dan ngeri macam aksi dalam filem Jackie Chan. Tapi ini betul-betul, bukan filem.

Saya fikir mereka yang lahir tahun 1980 dan ke atas terlepas menikmati pengalaman naik lipas kudung ini. Generasi sebelum itu, kalau tidak pernah merasa *thrill* naik lipas kudung tandanya dia orang berada. Atau pangkat besar dan gaji pun besar.

Tetapi menggunakan bas mini boleh mengikis kesedaran sivik. Semuanya rempuh kerana mementingkan diri. Orang tua, orang kurang upaya (OKU) atau wanita mengandung tidak ada yang akan memberi laluan. Kota ini membentuk warganya menjadi sedemikian rupa.

Persekutuan sedemikian juga sedikit sebanyak membentuk saya menjadi seperti mereka yang lain. Malah saya sendiri sering

melompat menggunakan pintu kecemasan di bahagian belakang bas waktu di Chow Kit.

Saya dengan tiga wartawan lagi – Zulkifli Ismail, Wan Zulkifli Wan Yaacob dan Idris Hamid menyewa sebuah flat uzur dua bilik di Taman Cheras. Flat kami tidak jauh dengan stesen bas mini laluan dari Taman Cheras Chow Kit. Kami turun di stesen Panggung Majestic untuk mengambil laluan bas mini nombor 13 ke Jalan Chan Sow Lin.

Ketika mula bekerja, Ketua Pengarang Kumpulan Tan Sri Zainuddin Maidin (Zam) selalu bertanya kepada wartawan baharu, "Dah baca paper?", "Dalam Star ada apa?" atau "Dalam Berita Harian ada apa hari ini." Selalunya beliau bertanya ketika kami tercungap-cungap baru sampai ke pejabat.

Antara kami, Zulkifli Ismail (sekarang menjadi pelakon) yang berani menjawab. "Mai dengan bas mini, tak dan nak baca."

Jawapan ini bukan menyelamatkan malah mengundang kemarahan. Zam mahu setiap pagi sebelum masuk pejabat wartawannya sudah khatam semua surat khabar pesaing.

Warga kota ada caranya untuk memudahkan perjalanan dan menjimatkan. Mereka hafal nombor bas dan jalan-jalan yang dilalui. Setiap jalan ada nombor bas tertentu, ada kalanya dua tiga bas dari laluan lain melalui juga jalan yang sama.

Bangkok Bank, Kota Raya dan Bus Stand Kelang adalah ikon pada zaman kegemilangan bas mini.

Di tempat-tempat ini banyak bas mini melaluinya dan boleh pilih laluan yang dituju. Kalau berada di tempat-tempat ini mudahlah hendak ke mana-mana.

Sepanjang menjadi penumpang bas mini, saya ada beberapa kenalan yang menjadi konduktor. Menariknya menjadi kawan konduktor, selalu memberi saya menumpang dengan percuma. Mereka pun tahu saya wartawan di Utusan Melayu. Boleh dikatakan setiap hari ada orang 'belanja' tambang pergi dan balik.

Salah seorang konduktor saya panggil 'Azian'. Wajahnya ada iras pelakon filem Azura, Azian Yusof. Dia selalu bertugas di laluan Taman Cheras ke Chow Kit. Nama sebenarnya saya tidak tahu. Tetapi selepas ayah menghantar motor kapcai Honda C70 dari kampung, saya terputus dengan bas mini dan kawan-kawan yang jadi konduktor.

Bas mini tetap meninggalkan kenangan manis apabila mengingatkan kembali zaman awal mencari rezeki di Kuala Lumpur. Pengalaman menjadi suatu yang amat berharga. Tidak ada nilai benda yang sama dengan pengalaman berwarna di kota batu ini.

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE  
RM7,500



HALF PAGE  
RM5,500



QUARTER PAGE  
RM4,500



PANEL PAGE [INNER]  
RM4,500

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**BERMINAT?**

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,  
Menara Seri Wilayah,  
62100 Putrajaya.

Libat 2,593 remaja di Labuan

# Vaksin pelajar sekolah menengah bermula



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**S**ERAMAI 2,593 pelajar berumur 16 dan 17 tahun di Labuan, mula menerima suntikan vaksin COVID-19 pada Sabtu (11 September) bagi persiapan pembukaan sesi persekolahan pada awal bulan Oktober ini.

Pengerusi Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) Labuan, **Rithuan Mohd Ismail** berkata, program pemvaksinan kepada golongan remaja 16 dan 17 tahun itu dilaksanakan di dua Pusat Pemberian Vaksin COVID-19 (PPV) Dewan Kompleks Darul Kifayah dan Dewan Kolej Matrikulasi Labuan (KML).

“Sebagai persediaan bagi pembukaan sesi persekolahan pada awal bulan Oktober, kita melaksanakan pemvaksinan bermula hari ini.

“Kita berpuas hati dengan kehadiran pelajar serta ibubapa yang menyambut baik program ini dan



RITHUAN bersama Ismuni berkesempatan meluangkan masa meninjau dan berbual mesra dengan para pelajar selepas menerima suntikan vaksin COVID-19.

pastinya kesemua pelajar divaksin sepenuhnya seperti mana yang disasarkan,” katanya kepada media selepas meninjau program vaksinasi remaja di PPV Dewan Kompleks Darul Kifayah, di sini pada Sabtu lalu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, **Dr Ismuni**

Bohari berkata, program vaksinasi itu akan berlangsung selama empat hari yang melibatkan pelajar dari 12 buah sekolah menengah.

Menurutnya, beliau berkata fasa pertama memberi keutamaan kepada anak-anak yang bersekolah sebelum memberi tumpuan kepada anak-anak di luar sekolah.



RIDHA Syazuan Rithuan pelajar Tingkatan 4 dari Labuan International School (LIS) menerima suntikan vaksin COVID-19 di PPV Dewan Kompleks Darul Kifayah MAIWP, pada Sabtu lalu.

“Fasa kedua untuk 8,225 anak sekolah berusia 12 hingga 15 tahun akan bermula minggu depan dan akan berlangsung selama dua minggu.

“Kami juga akan menerima pelajar masuk di PPV untuk mereka yang mungkin terlepas pandang dan tidak disenaraikan pada fasa pertama,” katanya lagi. WK

## NIOSH dan LHDNM lancar program CSR santuni golongan rentan

**PRIHATIN** terhadap kesusahan yang dihadapi oleh golongan rentan di Pulau Bebas Cukai ini susulan penularan pandemik COVID-19, Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) Labuan tampil menyantuni golongan itu.

Menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh LHDNM Labuan baru-baru ini, sebanyak 100 bakul makanan telah diagihkan kepada wakil penduduk dan gereja di pulau itu menerusi Program CSR Hasil Prihatin.

“Agihan bantuan bakul makanan ini adalah bertujuan membantu golongan rentan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dan LHDNM sentiasa prihatin akan nasib yang dihadapi golongan tersebut,” kata kenyataan itu.

Pengagihan bakul makanan itu dilaksanakan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan yang diwakili oleh Pengerusinya Rithuan Mohd Ismail.

Sementara itu, pada masa yang sama, NIOSH Labuan turut menyumbangkan



MOHD Fazrin (kiri) menyerahterakan sumbangan pelitup muka kepada Pengarah Jabatan Laut Malaysia Labuan, Alimuddin Amirudin mewakili pemandu dan kru teksi air.

pelitup muka kepada golongan penghantar makanan dan kru teksi air bagi meringankan beban golongan itu.

Ketua Pejabat NIOSH Labuan, **Mohd Fazrin Jurnain** berkata, inisiatif CSR itu bertujuan untuk menyokong usaha mengurangkan potensi penularan COVID-19 melalui program kesedaran ke atas kepentingan pemakaian pelitup muka.

“Dengan sumbangan ini dapat meringankan beban mereka malahan memberikan kesedaran kepentingan penggunaan pelitup muka bagi menekan penularan COVID-19,” katanya.

Agihan sumbangan pelitup muka kepada penghantar makanan melalui Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) Labuan manakala bagi pemandu dan kru teksi air pula melalui Jabatan Laut Malaysia. WK



STEPHANIE (dua dari kiri) mewakili Ketua Pegawai Eksekutif USO Hesham Mansoor menyerahkan cek replika sumbangan kepada pengurus MLC Andy Yong (kanan) di pejabat USO tingkat 16, Ujana Kewangan baru-baru ini.

## USO salur RM23,000 kepada MLC bantu golongan terkesan

**SYARIKAT** Universal Serviced Office & Management Limited (USO) menyumbangkan dana sejumlah RM 23,000 kepada pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) Mutiara Labuan Charity (MLC) bagi melaksanakan kerja amal bagi membantu masyarakat di pulau itu yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Hesham Mansoor**, sumbangan tersebut adalah hasil daripada sumbangan pelanggan syarikatnya iaitu Dingerco Business Solutions, C Global Trade and Investment Inc and Victoria International Corp.

“Sumbangan yang disalurkan menerusi MLC merupakan bakul makanan yang bakal diagihkan kepada mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19 khususnya kepada golongan rentan,”

katanya kepada pemberita secara maya di majlis penyerahan cek replika sumbangan di pejabat USO, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi MLC Andy Yong menzahirkan penghargaan kepada pihak USO kerana menyumbangkan bantuan itu kepada persatuan agar disalurkan kepada golongan yang terjejas di pulau ini.

“MLC mengucapkan terima kasih kepada USO atas sumbangan ini dan agihan bantuan ini akan kami agihkan kepada mereka yang memerlukan dengan kadar secepatnya,” katanya.

Hadir sama, Pengurus Cawangan USO Labuan Imelda Thadeus, Pegawai Strategi Pemasaran USO Stephanie Melanie Raphael dan Setiausaha MLC Fieza Awang. WK

**Soalan**

**A** SSALAMUALAIKUM SS  
Datuk Mufti. Saya ada  
satu pertanyaan.

Adakah boleh kita  
menggunakan duit Crypto  
Coins sebagai mas kahwin?  
Terima kasih.

**Jawapan**

Waalaikussalam wbt.  
Alhamdulillah segala puji  
bagi Allah SWT, selawat dan  
salam ke atas junjungan mulia  
Nabi Muhammad SAW, ahli  
keluarga baginda, para sahabat  
serta mereka yang mengikuti  
perjuangan baginda sehingga  
hari Kiamat.

Secara asasnya, mas kahwin  
atau mahar merupakan suatu  
pemberian yang wajib oleh  
pihak suami kepada pihak isteri.

Dalam istilah fiqh, mahar  
membawa maksud harta yang  
wajib diserahkan oleh pihak  
lelaki kepada perempuan kerana  
berlakunya akad nikah yang  
menghalalkan perhubungan di  
antara keduanya.

(Rujuk: Al-Mu'tamad fi al-  
Fiqh al-Syafi'e, 4/109-110)

Seterusnya, tiada had  
yang tertentu bagi sesebuah  
mahar sama ada had terendah  
maupun had maksimum.

Sebaliknya, semua benda yang

# Hukum menjadikan matawang cripto sebagai mas kahwin



**WANG kripto sah dijadikan sebagai salah satu bentuk mahar kerana dianggap sebagai suatu barang yang bernilai sama seperti barang-barang yang lain.**

bernilai dan mempunyai nilai  
untuk dijual ataupun dijadikan  
sewaan boleh dijadikan mahar  
sama ada berbentuk 'ain' (barang  
tersebut), hutang ataupun  
manfaat.

Begitu juga dari segi kuantiti  
sedikit atau banyak sama ada  
sebuah kereta, wang tunai  
10,000 Dirham ataupun sebuah  
rumah.

Bahkan mahar juga boleh  
diberikan dalam bentuk  
pengajaran sesuatu ilmu seperti  
mengajar ilmu membaca Al-  
Quran kepada isteri.

(Rujuk: Al-Mu'tamad fi al-  
Fiqh al-Syafi'e, 4/113)

Hal ini bertepatan dengan  
firman Allah SWT:

**Maksudnya:** "Dan dihalalkan

bagi kamu selain yang demikian  
(iaitu) mencari isteri-isteri  
dengan hartamu."

**Surah al-Nisa' (24)**

Ayat ini hanya menyebut  
harta secara umum tanpa  
menetapkan bentuk atau kadar  
harta secara spesifik. Begitu  
juga, panduan Rasulullah SAW  
melalui hadisnya:

**Maksudnya:** "Berikanlah  
kepada perempuan itu walaupun  
sebentuk cincin besi."

**Riwayat al-Bukhari (4741)**

Dalam sebuah hadis Amir  
bin Rabi'ah RA memperihalkan  
pendirian sebegini dengan lebih  
jelas, hadisnya:

**Maksudnya:** "Seorang  
perempuan daripada Bani  
Fazarah berkahwin dengan mas  
kahwin sepasang selipar. Maka  
Rasulullah SAW bersabda:

"Adakah kamu reda mendapat  
sepasang selipar sebagai mas  
kahwin?" Perempuan itu  
menjawab: "Ya!" Lalu Baginda  
membenarkannya."

**Riwayat al-Tirmizi (1113)**

Berkenaan kedudukan wang

kripto, kenyataan pertama  
Bank Negara Malaysia (BNM)  
berkenaan Bitcoin dikeluarkan  
pada 2 Januari 2014 di laman  
web rasmi mereka.

Dalam kenyataan ringkas  
tersebut, BNM menegaskan  
bahawa Bitcoin tidak diiktiraf  
sebagai satu mata wang rasmi  
(legal tender) di Malaysia dan  
BNM juga tidak mengawal selia  
operasi Bitcoin lantas orang  
awam dinasihatkan agar berhati-  
hati dengan risiko yang muncul  
daripada penggunaan mata  
wang digital seumpamanya.

Namun begitu, walaupun  
wang kripto masih belum  
dianggap mata wang yang sah  
seperti Ringgit Malaysia (RM)  
dan lain-lain, ia tetap dianggap  
sebagai suatu barang komoditi  
yang boleh diperdagangkan  
dan dijadikan sebagai aset  
pelaburan.

Bertitik tolak daripada  
konsep ini, maka wang kripto  
sah dijadikan sebagai salah satu  
bentuk mahar kerana dianggap  
sebagai suatu barang yang  
bernilai sama seperti barang-  
barang yang lain.

Wallahu a'lam.

## KOMENTAR

### Masa untuk tetapkan semula haluan Malaysia pascapandemik

**AZMAN UJANG**

SELARAS dengan jangkaan  
Malaysia mencapai imuniti  
kelompok menjelang akhir  
Oktober ini dan beralih daripada  
fasa pandemik COVID-19 kepada  
endemik, langkah seterusnya  
ialah menetapkan semula haluan  
Malaysia dalam kebiasaan baharu.

Perdana Menteri Datuk Seri  
Ismail Sabri Yaakob yang baru  
dilantik dan barisan pemimpin  
pembangkang, berikrar untuk  
mencari titik persamaan  
bagi menangani pandemik,  
merangsang ekonomi selain  
berusaha meredakan perlakuan  
politik yang berlanjutan sejak  
sekian lama, satu permutuan  
yang baik untuk melangkah ke  
hadapan buat masa ini.

Perdana menteri juga berjanji  
Kabinet akan berorientasikan  
hasil, berasaskan tiga prinsip  
iaitu peka terhadap keperluan  
rakyat, bertanggungjawab dan  
amanah, serta mengembalikan  
keyakinan rakyat.

Penekanan akan bersandarkan  
pada budaya kerja berprestasi  
tinggi dengan setiap kementerian  
perlu membuat perancangan  
jangka pendek dan panjang  
serta mencapai sasaran yang

ditetapkan.

Semua menteri diberikan  
tempoh 100 hari untuk mencapai  
sasaran jangka pendek masing-  
masing.

Ketika semua menteri  
menjalankan tugas masing-  
masing untuk mengembangkan  
negara, kita juga  
bertanggungjawab memainkan  
peranan yang sama.

Apatah lagi satu daripada  
prinsip yang digariskan oleh  
Ismail Sabri ialah peka kepada  
keperluan rakyat, justeru rakyat  
perlu bekerjasama menyuarakan  
keperluan mendesak mereka,  
khususnya ketika pascapandemik.

Era pascapandemik  
merupakan masa dan peluang  
terbaik untuk menggubal tetapan  
semula negara.

Datuk Seri Nazir Razak,  
anak lelaki bongsu Perdana  
Menteri Kedua Tun Abdul Razak,  
menggesa agar sistem yang  
dilaksanakan oleh Allahyarham  
bapanya itu ditentu ukur semula.

"Yang kita perlukan ialah  
tetapan semula negara, baik pulih  
secara menyeluruh demokrasi,  
institusi dan sosioekonomi kita.  
Ini bukan kali pertama."

Kita pernah lakukan perkara  
sama selepas peristiwa 13 Mei

**“Yang kita perlukan  
ialah tetapan semula  
negara, baik pulih secara  
menyeluruh demokrasi,  
institusi dan sosioekonomi  
kita. Ini bukan kali  
pertama.”**

1969 apabila sistem Westminster  
yang kita warisi tumbang pada  
pilihan raya umum ketiga.

"Pihak yang terlibat dalam  
membuat tetapan semula  
itu percaya sistem tersebut  
boleh berjaya namun tidak  
akan bertahan untuk selama-  
lamanya, sistem berkenaan perlu  
ditambah baik, mungkin perlu  
diset semula sekali lagi. Malah,  
mereka menetapkan had masa 20  
tahun bagi DEB (Dasar Ekonomi  
Baru)," kata Nazir.

"Pada 1990, DEB dinamakan  
semula namun dilanjutkan dan  
sistem selebihnya pula diteruskan  
tanpa perubahan. Semakin lama  
keadaan itu berterusan, lagi  
teruk kesan sampingan negatif  
melunturkan kebaikan yang  
dihasilkan oleh sistem tersebut,"  
tambah beliau.

"Masa telah berubah dan kita  
tidak harus meniru bulat-bulat

apa yang kita lakukan pada  
1970 ketika semuanya dipacu  
oleh Tun Razak sebagai ketua  
Majlis Gerakan Negara. Hari ini  
kita perlukan satu proses yang  
jauh lebih konsultatif, inklusif  
dan kurang elitis. Kita harus  
menggembung agenda dalam  
nama majlis yang boleh kita  
namakan sebagai 'Better Malaysia  
Assembly' (BMA)," katanya.

Penulis ruang dan penganalisis  
dasar awam Dr Lim Teck Gee  
berkata pada 1988, Majlis  
Perundingan Ekonomi Negara  
(MAPEN) diwujudkan bagi  
menggubal dasar ekonomi selepas  
1990 untuk menggantikan DEB  
yang jangka hayat 20 tahunnya  
hampir tamat.

Beliau berkata syor-syor  
'di luar kotak' tentang cara  
menggerakkan Malaysia ke era  
pasca-DEB dalam ekonomi  
dan juga sektor penting bukan  
ekonomi serta tadbir urus  
menjadikan laporan itu sesuatu  
yang mestilah dibaca dan dirujuk  
oleh sesiapa yang berpotensi  
dilantik sebagai ahli majlis  
kebangsaan yang diwujudkan  
bagi menetapkan semula hala  
tuju pembangunan negara.

Sebuah majlis yang sedemikian  
boleh berperanan sebagai

satu badan peringkat tinggi  
bukan politik negara ini bagi  
memastikan akauntabiliti atau  
kebertanggungjawaban yang  
lebih baik dalam pelaksanaan  
dasar-dasar kerajaan.

Kabinet baharu kerajaan  
Malaysia mengangkat sumpah  
jawatan sehari sebelum negara  
meraikan Hari Kemerdekaan  
ke-64 dan agenda utama pastinya  
tentang kemunculan Malaysia  
pascapandemik dalam kebiasaan  
baharu.

Apa yang diperlukan oleh  
negara sekarang ialah sebuah  
kerajaan dwipartisan yang tidak  
mustahil dapat diwujudkan jika  
ahli politik akur dengan titah  
Yang di-Pertuan Agong tentang  
landskap politik baharu yang  
mengutamakan kepentingan  
rakyat berbanding kehendak  
peribadi dan keuntungan politik.

Seiring sambutan Hari  
Malaysia minggu depan,  
penubuhan 'People's Assembly'  
atau 'Majlis Rakyat' merupakan  
jalan terbaik untuk menyatukan  
kepentingan berbeza pelbagai  
komuniti. Penubuhan majlis  
sedemikian untuk melengkapi  
dasar kerajaan boleh menjadi  
anjakan paradigma ke arah  
Malaysia Yang Lebih Baik.

## KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di [editorwilayahku@gmail.com](mailto:editorwilayahku@gmail.com) dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

# Semarak Kemerdekaan sambil nikmati kelazatan buah tempatan

SYAHIDI BAKAR

**SATU** sesi kunjungan hormat telah diadakan oleh delegasi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Wangsa Maju ke atas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah pada 8 September lalu.

Sesi pertemuan itu berlangsung kondusif apabila kedua-dua pihak saling bertukar pandangan dan idea mengenai pelbagai perkara temasuklah isu berkaitan status pemilikan tanah Kampung Puah Seberang sebagai salah sebuah kampung asal yang masih didiami hingga kini.

Timbalan Pengurus MPPWP Zon Wangsa Maju, **Abdul Rani Mohamed Daud** berkata, sesi lawatan bermula 2 petang itu mencapai objektif apabila mendapat perhatian Datuk Bandar yang mengaku status tanah Kampung Puah Seberang itu wajar dikekalkan sebagai kawasan penempatan.

Katanya, status tanah sebagai kampung tradisi di tengah bandar Kuala Lumpur itu pastinya suatu perkhabaran yang menggembirakan penduduk asal yang telah menetap sejak lama di lokasi penempatan majoritinya berbangsa Melayu.

"Selain status tanah, kami



DATUK Bandar ketika menerima kunjungan daripada wakil MPPWP Sub Zon Wangsa Maju diwakili Timbalan Pengurusnya, Abdul Rani (kiri) sambil ditemani wakil penduduk dan AJK MPPWP.

(MPPWP) turut sama mengutarakan berkenaan infrastruktur Kampung Puah Asal dan Puah Seberang yang penting demi keselesaan dan keselamatan penduduk seperti dewan masyarakat, turap semula jalan lama dan mengangkat status kawasan sebagai kampung tradisi di tengah bandar yang perlu dikekalkan.

"Beberapa buah kampung di kawasan ini seperti Kg Puah, Kg

Puah Seberang, Puah Lembah dan juga Kg Chu Badak akan cuba dikekalkan dengan penyusunan semula secara sistematis dan lebih kondusif untuk semua penduduk," katanya ketika mengulas input lawatan ke Pejabat Datuk Bandar, di Menara DBKL, Jalan Raja Laut baru-baru ini.

Berdasarkan rancangan pembangunan DBKL 2040, kawasan kampung



SESI perbincangan berlangsung kondusif apabila kedua-dua pihak bersetuju mencari solusi terbaik bagi perkara berbangkit.

itu dicadangkan untuk pembangunan, bagaimanapun hasil diskusi awal, pihak berkuasa bersetuju supaya disusun semula tanpa menghilangkan kampung tradisi di tengah bandar sebagai suatu warisan perlu dikekalkan. Menurut Abdul Rani, perkara dibangkitkan dalam pertimbangan Datuk Bandar apabila beliau juga akan mengetengah usul tersebut kepada pihak Kerajaan untuk diperincikan kaedah penyelesaian

demti mengutamakan kesejahteraan penduduk.

"Pihak MPPWP Wangsa Maju juga disaran untuk berbincang dengan Pejabat DBKL Cawangan dan juga pihak Pejabat Tanah untuk mencari solusi terbaik. Buat masa ini kami sedang menunggu tarikh untuk sesi pertemuan itu," katanya sambil menzahirkan keyakinan kewujudan kampung itu akan terbela hasil keprihatinan semua pihak. **W.K**

# 200 penghantar makanan dirai sebagai tanda penghargaan

**BERTEMPAT** di Dewan Shazac Bistari, Wangsa Maju, satu program kebajikan telah pun diadakan hasil inisiatif prihatin bagi menyalur sumbangan kepada pekerja penghantar makanan yang telah memudahkan perkhidmatan untuk pelanggan.

Kali ini, sumbangan beras oleh UMNO Bahagian Wangsa Maju, memanfaatkan 200 penunggang e-hailing FoodPanda, GrabFood, JNT, Lalamove dan Happy fresh yang bertugas di sekitar Parlimen Wangsa Maju.

Menurut Ketua UMNO Bahagian itu, **Datuk Seri Dr Mohd Shafie Abdullah**, sumbangan dijayakan sebagai menghargai jasa penghantar makanan yang telah memberi perkhidmatan kepada warga setempat tanpa mengira waktu.

Katanya, atas dasar prihatin terhadap kebijakan dan keperluan mereka, maka penaja sumbangan iaitu Pengarah Urusan Mama Canopy Sdn Bhd, Noor Sham Din bermurah hati untuk membantu meringankan belanja pekerja e-hailing terutama untuk membeli barang keperluan.

"Terima kasih kepada pihak penaja yang tampil bersama UMNO Bahagian Wangsa Maju



MOHD Shafie (kiri) dan Noor Aieni menyerahkan sumbangan beras tajaan Mama Canopy kepada penghantar makanan. Selain beras, akhbar Wilayahku turut diedar sebagai satu instrumen hebatan informasi warga Wilayah Persekutuan.

salurkan bantuan beras kepada 200 penghantar makanan yang turut berkhidmat demi memudahkan rakyat.

"Jadi program seumpama ini adalah medan bagi membantu sesama kita dan menjadi pengukur positif kesalinghubungan masyarakat kita yang prihatin

antara satu sama lain, bersatu padu rakyat berbilang bangsa sebagai "Keluarga Malaysia," katanya.

Selain Mohd Shafie dan penaja, sesi sumbangan juga lancar hasil penglibatan bersama MPPWP Zon Wangsa Maju diwakili Pengurusnya, Datuk Hamdan Mohd Yusof serta Ketua Wanita



SEBAHAGIAN daripada 200 orang penunggang e-hailing yang mendapat sumbangan beras 5kg setiap seorang.

UMNO Bahagian, Datuk Noor Aieni Mohd Ali yang cakna terhadap kebijakan warga di Parlimen berkenaan.

Sementara itu, Noor Sham menzahirkan terima kasih kepada semua pihak terlibat menjayakan program sumbangan beras yang diadakan demi membantu mereka

yang mungkin dalam keadaan serba kekurangan.

"Diharapkan, sumbangan bantuan ini akan dapat meringankan beban belanja para penerima untuk seketika waktu dan menjadi penghubung silaturahim sesama kita rakyat Malaysia," ujarnya. **W.K**



# The Garden Shop semarak industri landskap Putrajaya



AINI MAWAWI

**J**IIKA berpeluang ke Putrajaya, pasti mata tidak lepas memandang keindahan landskap bunga-bungaan yang indah menghiasi pusat pentadbiran kerajaan persekutuan ini. Kepelbagaiannya warna dan jenisnya membuatkan ramai yang terpesona.

Tidak kurang juga ada yang tertanya-tanya, bagaimanakah cara untuk mendapatkan benih tanaman bunga-bungaan tersebut bagi dijadikan pokok hiasan di kediaman masing-masing.

Menyedari industri bunga memiliki tarikan luar biasa serta penggemarnya yang tersendiri, Perbadanan Putrajaya (PPj) mengorak langkah membuka pusat jualan yang dikenali sebagai Garden Shop Putrajaya.

Terletak di Taman Wetland, Putrajaya, nurseri yang mula beroperasi pada 10 Oktober 2020 ini merupakan satu-satunya pusat jualan yang membekalkan tanaman landskap, bunga-bungaan, anak pokok buah-buahan serta sayur-sayuran kepada umum.

Menurut Naib Presiden Jabatan Landskap dan Taman, PPj, **Abd Aziz Buang**, objektif penubuhan nurseri berkenaan adalah untuk memberi peluang pemasaran

produk landskap dalam kalangan penduduk Putrajaya dan kawasan sekitar.

"Pada mulanya kita fokus untuk komuniti Putrajaya namun tidak sangka ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada orang luar. Dari situ, kita tahu ramai yang teruja dengan kewujudannya."

"Selain itu, pusat ini juga menjadi sumber bagi mereka yang ingin mendapatkan bahan tanaman sebagai hiasan tempat tinggal dan kediaman mereka memandangkan ini merupakan satu-satunya nurseri yang terdapat di Putrajaya."

"Ia juga turut berpotensi untuk dijadikan pusat jual beli tanaman kepada kontraktor-kontraktor landskap Putrajaya khususnya. Pada masa akan datang berupaya menjadi pembekal tanaman bagi nurseri-nurseri sekitar Bangi dan Kajang, Selangor," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Selain daripada membekalkan tanaman herba dan sebagainya, pembeli juga boleh mendapatkan peralatan perkebunan seperti pasu, komponen media tanaman dan juga hasil sampingan taman seperti kompos.

Menariknya selain daripada membeli benih pokok, pembeli juga boleh mendapatkan khidmat nasihat secara percuma tentang selok-belok penanaman daripada individu yang berpengalaman di Garden Shop Putrajaya.

"Mereka yang datang ke sini

bukan sahaja sekadar membeli tetapi kita akan bekalkan mereka dengan khidmat nasihat. Contohnya kalau mereka beli pokok kaktus misalnya, kita akan bantu mereka dari segi tanah campuran, baja dan sebagainya," ujar beliau.

## JIMATKAN KOS PENYELENGGARAAN


Menurut Abd Aziz, dalam konteks yang luas, kawasan yang dikendalikannya itu dikenali sebagai Kompleks Nurseri Taman Wetland.

Bercerita lanjut ujarnya, kompleks tersebut bertindak sebagai lokasi untuk menghasilkan dan mengeluarkan tanaman gantian bagi proses penyelenggaraan tumbuhan landskap di seluruh Putrajaya.

Jelas beliau, dengan langkah yang digunakan, perbadanan dapat menjimatkan kos (pembelian) kerana kebanyakan tumbuhan yang ditanam di sekitar Pusat Pentadbiran Persekutuan itu disemai serta dirawat sendiri.

"Kita semai sendiri jadi kalau pokok sudah matang di taman itu, kita buang dan ganti yang baru dari sini (Kompleks Nurseri Taman Wetland)."

"Sumber kita banyak dari dalaman. Contoh kalau kita cantas pokok, kita tidak buang sebaliknya ambil keratan (dahan) dan kita semai balik semula. Jadi, murahlah kita banyak kitar semula tanam-



tanaman yang kita selenggara di Putrajaya."

pengunjung yang hadir untuk membeli pokok idaman.

Dalam pada itu, salah seorang pembeli tetap di situ, Alias Mohamad, 53, memberitahu, dia sering berulang alik ke Putrajaya bagi mendapatkan benih pokok buah-buahan untuk ditanam di Kebun Komuniti yang terletak di Saujana Impian, Kajang Selangor.

"Saya datang untuk membeli pokok cempedak. Bagi saya, banyak keistimewaan Garden Shop yang mana harganya jauh lebih murah berbanding nurseri yang ada di luar sana."

"Selain daripada itu, berdasarkan pengalaman sendiri juga, biji benih yang dijual di sini senang hidup dan subur. Bukan itu sahaja, banyak pilihan tanaman yang boleh kita peroleh," ujarnya lagi. **WK**



**ABD AZIZ**  
melihat  
tanaman  
bunga yang  
terdapat  
di Garden  
Shop.

Wooi Yik jadikan insentif sebagai simpanan masa depan

# Terharu diiktiraf Wilayah Persekutuan

AINI MAWAWI

**A**TLET Wilayah Persekutuan, Soh Wooi Yik berhasrat untuk menyimpan insentif bernilai RM50,000 yang diperoleh dari Wilayah Persekutuan susulan pencapaianannya memenangi pingat gangsa dalam acara beregu lelaki pada Sukan Olimpik Tokyo 2020 baru-baru ini.

"Saya mahu membuat simpanan sebanyak mungkin untuk masa hadapan kerana perjalanan saya masih jauh lagi. Masa muda ini saya akan manfaatkan sebaiknya untuk keluarga dan merancang membeli rumah."

"Selain daripada itu, saya juga terharu Wilayah Persekutuan menghargai kejayaan yang dikenali dan hadiah ini juga menjadi motivasi kepada saya untuk terus berjuang pada kejohanan seterusnya," ujar Wooi Yik kepada *Wilayahku*.

Dalam masa sama, atlet badminton negara yang berusia 23



tahun ini turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Wilayah Persekutuan kerana mengiktiraf usaha gigihnya merangkul kejayaan pada temasya tersebut.

Bakatnya dalam sukan badminton mula digilap di bangku sekolah lagi dan sering muncul juara dalam setiap kejohanan yang disertainya sehingga dunia menyaksikan kejayaan tersebut menerusi pingat gangsa buat Malaysia baru-baru ini.

"Ketika mula terlibat dalam sukan badminton, saya pernah mewakili Wilayah Persekutuan sebanyak tiga kali iaitu pada SUKMA 2014 di Perlis, SUKMA 2016 di Sarawak dan SUKMA 2018 di Ipoh," ujarnya.

Pada kejohanan SUKMA 2016, Wooi Yik berjaya memenangi satu pingat gangsa dalam acara beregu lelaki selain dua pingat perak dalam acara beregu lelaki dan campuran pada SUKMA 2018.

Menyentuh tentang perkem-



WOOI YIK bersama replika cek insentif Wilayah Persekutuan yang diterima baru-baru ini.

bangan terkini, dia sedang mempersiapkan diri untuk menghadapi dua kejohanan berpasukan iaitu Piala Sudirman pada 26 September hingga 3 Oktober dan

Piala Thomas pada 9 hingga 17 Oktober.

"Saya sudah bersedia untuk beraksi cuma sekarang sedang mempersiapkan diri dari

## Kejayaan Soh Wooi Yik

2021 - Olimpik Tokyo 2020  
- Pingat Gangsa (Beregu Lelaki)

2020 - Sukan SEA, Filipina  
- Pingat Emas (Beregu Lelaki)

2018 - SUKMA, Perak  
- Pingat Perak

2016 - Kejohanan Antarabangsa Walikota Surabaya (U18)  
- Pingat Emas (Beregu Lelaki)

segi mental kerana membina semula kekuatan tersebut memerlukan sedikit masa. Namun saya yakin mampu memberikan yang terbaik," ujarnya.

Terdahulu, dia turut menerima insentif bernilai RM120,000 daripada Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan RM60,000 daripada 100PLUS. **WK**

# MPM alu-alukan sumbangan dana awam untuk Muhammad Ziyad

**PRESIDEN** Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) Datuk Seri Megat D Shahriman Zaharudin mengalu-alukan sumbangan dana awam buat jaguh lontar peluru para kebangsaan, Muhammad Ziyad Zolkefli.

Beliau berkata daripada temus memberi komen dan ulasan berhubung isu melibatkan atlet berusia 31 tahun itu, lebih baik diwujudkan inisiatif tersebut bagi mengenang jasa dan pengorbanannya mengharumkan nama negara selama ini.

Megat Shahriman berkata orang ramai terutamanya netizen yang cakna dengan nasib Muhammad Ziyad boleh menunjukkan keprihatinan mereka dengan cara tersebut.

Beliau pada masa sama, ber-setuju insentif Skim Hadiah Kemenangan Sukan

(SHAKAM) tidak sesuai untuk diberikan kepada jaguh negara itu.

"Untuk SHAKAM mempunyai peraturan dan kriteria, jika Ziyad memenuhi kriteria itu bolehlah, tetapi beliau tidak menang pingat dan walaupun dia pecahkan rekod, ia tidak diiktiraf. Tapi untuk orang luar sana, mana-mana pihak atau individu yang ingin buat sumbangan dana awam, jika nak bantu, tidak ada masalah untuk bantu dia. Kami mengalu-alukan usaha tersebut," katanya.

Mengulas mengenai insentif daripada MPM, Megat Shahriman yang juga Ketua Kontingen Paralimpik Malaysia ke Tokyo 2020 berkata badan induk itu akan bermesyuarat

bagi membincangkan perkara tersebut dalam masa terdekat.

"Ada yang mengatakan MPM untuk beri duit sejuta ini, saya fikir tidak, bukan tugas MPM sebenarnya dan kami bukan badan kebajikan dan (sebaliknya) ada kebajikan (tertentu) yang kami bantu."

"Tetapi untuk memberi hadiah kemenangan itu tiada dalam perlembagaan dan peraturan kami, tapi tengok mesyuarat nanti yang saya akan adakan. Tengok apa yang kami boleh bantu Ziyad," katanya.

Muhammad Ziyad terlepas pingat emas acara lontar peluru lelaki F20 (kecacaan intelektual) Sukan Paralimpik Tokyo 2020 baru-baru ini, selepas didakwa lewat melapor diri di bilik menunggu.

Insiden di Stadium Olimpik Tokyo itu menyakinkan Muhammad Ziyad terlepas ganjaran berjumlah RM1 juta di bawah Shakam bagi kejayaan memenangi pingat emas Paralimpik dan ganjaran tambahan RM100,000 daripada FWD Takaful.

Muhammad Ziyad sebelum ini pernah menerima insentif SHAKAM berjumlah RM1 juta dan pencepn bulanan sepanjang hayat sebanyak RM5,000 daripada kerajaan atas kejayaan meraih pingat emas dalam acara sama di temasya Paralimpik Rio 2016. - BERNAMA



ZIYAD sentiasa pamer aksi cemerlang.

# MOM akan pindah ibu pejabat

**MESYUARAT** pertama Lembaga Eksekutif Majlis Olimpik Malaysia (MOM) bagi penggal 2021-2025 memutuskan untuk menempatkan semula ibu pejabatnya ke lokasi yang lebih mudah diakses dalam tempoh tiga atau empat tahun akan datang.

Presiden MOM Tan Sri Mohamad Norza Zakaria berkata ibu pejabat baharu itu dirancang untuk menjadi sebuah hab sukan lengkap dengan ruang pejabat dan kemudahan latihan prestasi tinggi untuk memenuhi semua keperluan pihak berkepentingan dalam majlis itu.

"Kami akan mendakwa ibu pejabat kami ke lokasi yang lebih mudah dikunjungi atau diakses oleh pihak berkepentingan," katanya dalam satu sidang media selepas kunjungan rasmi Menteri Belia dan Sukan yang baharu, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu di Wisma OCM.

Wisma OCM setinggi sembilan tingkat yang dibina pada 1991 di Jalan Hang Jebat di sini, menempatkan pejabat MOM dan beberapa persatuan sukan, selain daripada memiliki beberapa kemudahan dewan dan Hotel Olimpik yang diuruskan pihak ketiga.

Sementara itu, Setiausaha Agung MOM Datuk Mohd Nazifuddin Najib semasa merangangkan rancangan itu berkata pihak lembaga bersatu dengan

keputusan Mohamad Norza untuk menempatkan semula ibu pejabat majlis itu, kemungkinan ke kawasan Putrajaya atau Bukit Jalil.

Ditanya mengenai rasional perpindahan ke lokasi lebih jauh dari tengah bandar raya, yang lebih dekat dengan pejabat kebanyakan persatuan sukan kebangsaan (NSA), Mohd Nazifuddin berkata MOM sedang mencari kawasan yang tidak sesak dan dilengkapi semua kemudahan di bawah satu bumbung.

"Ideanya adalah menjual bangunan ini dan keuntungannya akan digunakan membina kemudahan baharu ini, saya hanya boleh berkongsi setakat ini. Kawasan ini akan ada bangunan pencakar langit Merdeka 118 dan beralih ke arah menjadi sebuah daerah kewangan, sementara di Putrajaya lebih banyak kemudahan sukan dan hab sukan bakal dibina di sana."

Kami mencari sebuah bangunan baharu kerana bangunan ini juga sudah lama, kos menaik taraf dan mengurus bangunan ini melalui belanja setengah juta ringgit setahun, sangat mahal bagi MOM. Jadi, kami sedang mencari sebuah bangunan yang cukup besar untuk menampung semua 56 ahli gabungan di bawah MOM dan kami akan menyediakan ruang kerja dan kemudahan bersama untuk mereka," katanya. - **BERNAMA**



MOHAMAD NORZA



Terharu  
diiktiraf  
Wilayah  
Persekutuan  
►► 23

Insentif khas Wilayah Persekutuan kepada yang berjaya di peringkat antarabangsa

## MSWP galak kecemerlangan atlet

AINI MAWAWI

**M**AJLIS Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) sentiasa menghargai pencapaian atlet di bawah jagaannya (walaupun sudah berada di peringkat antarabangsa), menerusi pemberian insentif khas sebagai ganjaran atas usaha mereka.

Menurut Pengurusnya, **Datuk Ramlan Shaheen@Askolani**, MSWP sentiasa menggariskan prestasi dan pencapaian atlet sebagai galakan untuk terus cemerlang.

"Contohnya, atlet badminton Wilayah Persekutuan, Soh Wooi Yik yang akan menghadapi dua kejohanan berpasukan iaitu Piala Sudirman dan Piala Thomas dalam tempoh terdekat ini. Kita ada ganjaran setimpal jika dia berjaya," ujar beliau sejurus majlis penyerahan insentif kepada Wooi Yik susulan pencapaiannya memenangi pingat gangsa dalam acara berpasangan lelaki pada Sukan Olimpik Tokyo 2020 baru-baru ini.

Kata Ramlan lagi, kejayaan cemerlang Wooi Yik pada temasya tersebut bukan sahaja mengharumkan nama negara tetapi turut membanggakan Wilayah Persekutuan.

"Kami berharap Wooi Yik tidak melupakan kami di Wilayah Persekutuan memandangkan ki-



RAMLAN (kanan) sejurus majlis penyampaian insentif kepada atlet Wilayah Persekutuan, Wooi Yik.

ta semua adalah sebuah Keluarga Malaysia yang akan sentiasa menyokong satu sama lain," ujar beliau.

Selain sukan badminton, Wilayah Persekutuan melahirkan ramai atlet yang mampu memberikan saingan di peringkat antarabangsa khususnya dalam sukan aquatik terjun dan renang, boling, karate serta gimrama.

"Saya berharap usaha MSWP dalam pembangunan atlet di Wilayah Persekutuan diteruskan dengan lebih ramai lagi ikon sukan akan dilahirkan pada masa akan

datang," kata beliau.

Terdahulu, insentif berjumlah RM50,000 diserahkan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim kepada Wooi Yik di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Hadir sama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Rosida Jaafar; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Pengarah MSWP, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri. **WK**

## Genggam semangat Keluarga Malaysia - KSN

PERKHIDMATAN awam harus menggenggam semangat 'Keluarga Malaysia' sebagai konsep penting dalam mengatur strategi memulihkan semula ekonomi dan menyusun semula negara dalam era pasca pandemik COVID-19 dan fasa endemik menjelang akhir Oktober ini.

Ketua Setiausaha Negara **Tan Sri Mohd Zuki Ali** berkata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri telah mengarahkan setiap anggota Jemaah Menteri untuk memastikan enam teras utama petunjuk prestasi utama (KPI) diberi perhatian dan kesemua elemen itu akan dinilai dalam tempoh 100 hari pentadbiran kerajaan.

KPI tersebut adalah menstruktur semula ekonomi; menjamin keselamatan dan ketenteraman negara; meningkatkan kesejahteraan sosial; mempertingkatkan infrastruktur menyeluruh; memperkuuh penyatuhan dalam acuan Keluarga Malaysia dan memperkasa penyampaian perkhidmatan.

"Sebagai anggota perkhidmatan awam, di atas bahu kita semualah segala harapan dan jangkaan rakyat diletakkan bagi memastikan pencapaian KPI ini boleh dilaksanakan dengan cemerlang," katanya.

Menurutnya penjawat awam perlu berdedikasi dan memberi tumpuan berterusan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat susulan norma baharu tugas seperti bekerja dari rumah dan hanya hadir ke pejabat mengikut giliran atau keperluan kerja.

Justeru, beliau meminta penjawat awam supaya peka tentang keperluan semasa dan kehendak pelbagai pemegang taruh dengan pengaplikasian teknologi digital terkini agar segala dasar dan inisiatif kerajaan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

## Kena hati-hati walaupun sudah lengkap vaksin - Rozita Che Wan

DEEL ANJER

**LENGKAP** dua dos vaksin COVID-19 bukanlah alasan untuk mana-mana individu mengambil mudah akan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan kerajaan.

Ini kerana terdapat segelintir masyarakat bersikap acuh tak acuh dalam mematuhi SOP setelah mendapatkan dos lengkap.

Menurut pelakon terkenal Rozita Che Wan yang juga duta pelitup muka Himaya (warna merah samar iaitu Blush Rose), kreativiti diperlukan agar masyarakat tidak bosan dengan pematuhan SOP.

Misalnya sebagai wanita yang mementingkan gaya dan keterampilan, tentunya **Rozita Che Wan** atau mesra di sapa Che Ta tidak mahu 'mencacatkan' gayanya dengan memakai pelitup muka yang tidak sedondon dengan pakaianya.

Pelitup muka Himaya yang menyarankan wanita berhijab adalah pilihan terbaik pelakon itu kerana ia menepati

ciri-ciri untuk wanita bergaya dan dapat menjaga keselamatan diri.

Che Ta berkata, memakai pelitup muka sudah menjadi kewajiban kepada masyarakat bagi memutuskan rantaian wabak itu.

"Walaupun saya sudah mendapatkan suntikan lengkap vaksin namun kita masih perlu berhati-hati kerana tidak semestinya mereka yang sudah lengkap dua dos vaksin tidak akan dijangkiti. Jangan rasa bosan dalam mematuhi SOP."

"Saya amat mementingkan gaya dan pelitup muka Himaya ini menepati kehendak saya kerana ia bukan saja mempunyai pelbagai pilihan warna, ia juga mendapat pengiktirafan KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia) dan ada empat lapisan. Jadi saya tidak perlu memakai dua lapis pelitup muka."

"Pemakaianya juga amat mudah. Selepas siap sedia untuk keluar, anda boleh terus memakainya tanpa perlu menyangutnya di telinga (sebelum memakai tudung) seperti mana pelitup muka

jenama lain," katanya.

Jelas Che Ta, sekarang pelitup muka adalah sebahagian daripada aksesori, ke na padankan dengan warna baju.

"Tiada alasan untuk tidak memakai pelitup muka kerana sudah banyak yang menawarkan pelbagai warna menarik, ia juga bergaya, simple dan tidak leceh untuk memakainya serta selamat digunakan."

"Saya ada semua warna pelitup muka. Pelitup muka ini juga tidak berbulu dan tidak gatal hidung," katanya.

Pelantikan Rozita Che Wan sebagai duta untuk warna baru Himaya melengkapkan barisan duta sedia ada iaitu Erra Fazira, Elfira Loy, Wany Hasrita, Amira Othman dan Nabila Razali. **WK**



ROZITA CHE WAN